

**PELESTARIAN TARIAN DABUS KETIKA
COVID-19 DI KALANGAN GOLONGAN MUDA DI
KAMPONG GAJAH, PERAK.**

SITI HAJAR BINTI BAS'SIRIN

UNIVERSITI

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

KELANTAN

2022

FTKWW



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

FTKW

**PELESTARIAN TARIAN DABUS KETIKA
COVID-19 DI KALANGAN GOLONGAN MUDA DI
KAMPONG GAJAH, PERAK.**

Oleh :

SITI HAJAR BINTI BAS'SIRIN

Projek Penyelidikan ini disediakan untuk memenuhi syarat
kelayakan bagi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan

Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2022

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

SULIT

Dari tarikh _____ hingga _____
(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan

Tandatangan Penyelia Utama

Hajar

980714085250

Tarikh : 27/2/2022

DR. AINUL WAHIDA BT RADZUAN

Tarikh : 27/2/2022

DR. AINUL WAHIDA BINTI RADZUAN
Pensyarah Kanan
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Universiti Malaysia Kelantan

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat ilahi kerana dengan izin-Nya saya dapat menyiapkan tugas projek penyelidikan mengikut tempoh masa yang diberikan.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada ibu bapa saya yang telah memberikan sokongan penuh kepada saya sepanjang tempoh pengajian. Mereka merupakan sumber semangat utama saya bagi menyiapkan projek penyelidikan ini. Tidak lupa juga kepada penyelia saya iaitu Dr. Ainul Wahida Binti Radzuan yang banyak memberi tunjuk ajar, menyumbang idea serta memberi sokongan moral kepada saya bagi menyiapkan projek penyelidikan ini.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kawan-kawan serta sesiapa sahaja yang membantu saya secara langsung atau tidak langsung. Segala sokongan anda semua sangat saya hargai. Semoga kajian ini memberi manfaat kepada semua orang

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**PELESTARIAN TARIAN DABUS KETIKA COVID-19 DI KALANGAN
GOLONGAN MUDA DI KAMPONG GAJAH, PERAK.**

ABSTRAK

Tarian Dabus merupakan salah satu seni persembahan tradisional yang terkenal di negeri Perak. Tarian Dabus ialah tarian kepahlawanan kerana di mana para penari mencucuk lengan mereka dengan anak Dabus (senjata tajam) sehingga berdarah. Bagaimanapun, pandemik Covid-19 telah menjejaskan tarian Dabus untuk dipersembahkan di khalayak ramai, sekali gus mengurangkan minat golongan muda untuk menyertainya. Dalam erti kata lain, kajian ini memfokuskan kepada penglibatan golongan muda dalam tarian Dabus dan perubahan pengurusan tarian Dabus di Kampong Gajah, Perak. Terdapat tiga objektif kajian : mengenalpasti faktor yang membawa kepada penglibatan golongan muda dalam tarian Dabus, menilai implikasi pandemik Covid-19 terhadap penglibatan golongan muda, dan mengkaji mekanisme relevan dalam mengekalkan tarian Dabus. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif di mana sepuluh orang peserta kajian telah ditemu bual, dan aktiviti mereka diperhatikan. Semua data yang diperolehi daripada kerja lapangan dianalisis dengan analisis tematik. Hasilnya, kajian ini mendapati bahawa tarian Dabus terjejas sedikit oleh wabak tersebut di mana semua aktiviti fizikal dihentikan buat sementara waktu, dan mereka tidak dapat menghadiri aktiviti latihan mereka. Walaubagaimanapun, beberapa mekanisme yang relevan telah diterima pakai dalam mengekalkan tarian Dabus untuk memastikan kesinambungannya, seperti mengalihkan amalan dan latihan tarian Dabus dalam talian dan mempromosikan tarian Dabus melalui media sosial. Kesimpulannya, kajian ini adalah signifikan kerana ia boleh menjadi rujukan masa hadapan dan memberikan pemahaman yang mendalam tentang tarian Dabus itu sendiri.

Kata kunci : tarian Dabus, Covid-19, warisan budaya tidak ketara, golongan muda, pelestarian

SUSTAINING TARIAN DABUS DURING COVID-19 AMONGST YOUNGER GENERATIONS IN KAMPONG GAJAH, PERAK.

ABSTRACT

Tarian Dabus or Dabus dance is one of the traditional performing arts renowned in the state of Perak. Tarian Dabus is a heroic where the dancers muster up their courage by poking their arms with anak Dabus (a sharp-pointed weapons) until they bleed. However, the pandemic Covid-19 has affected tarian Dabus to be performed in public, hence reducing the interests of the young generation to participate in it. In that sense, this study focuses on the involvement of the young generation in tarian Dabus and the changes of tarian Dabus's management in Kampong Gajah, Perak. There are three objectives of this study: to identify that lead to the engagement of the younger generation in tarian Dabus, to assess the implications of the pandemic Covid-19 towards the involvement of the younger generation, and to examine relevant mechanisms in sustaining tarian Dabus. This study used a qualitative approach where ten research participants have been interviewed, and their activities were observed. All the data obtained from the fieldwork was analysed by thematic analysis. As a result, this study discovered that tarian Dabus was slightly affected by the pandemic where all the physical activities were temporarily ceased, and they were unable to attend their rehearsal activities. However, several relevant mechanisms were adopted in sustaining the tarian Dabus to ensure its continuity, such as shifting tarian Dabus practice and rehearsal online and promoting tarian Dabus through social media. In conclusion, this study is significant as it can be a future reference and provides an in-depth understanding of tarian Dabus itself.

Keywords: Dabus dance, Covid-19, intangible cultural heritage, younger generation, sustainin

ISI KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
PERAKUAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
BAB SATU : PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	2
1.2 Penyataan Masalah	3
1.3 Persoalan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Skop Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	8
1.6.1 Individu	8
1.6.2 Masyarakat	8
1.6.3 Institusi Pendidikan	9
1.7 Struktur Projek Penyelidikan	9

BAB DUA : SOROTAN KAJIAN

2.0 Pengenalan	10
2.1 Warisan Budaya Di Malaysia	10
2.1.1 Akta Warisan Kebangsaan	11
2.1.2 Definisi Warisan Ketara	11
2.1.3 Definisi Warisan Tidak Ketara	12
2.2 Sejarah Negeri Perak	13
2.2.1 Kampong Gajah, Perak	14
2.2.2 Populasi Penduduk	15
2.2.3 Ekonomi	16
2.2.4 Politik dan Pentadbiran	17
2.3 Asal Usul Tarian Dabus	17
2.4 Sejarah Tarian Dabus Di Negeri Perak	21
2.4.1 Bilangan Ahli Kumpulan Tarian Dabus	22
2.4.2 Etika Pemakaian	23
2.4.3 Senikata Lagu Dabus	24
2.4.4 Alat Muzik Yang Digunakan	26
2.4.5 Fungsi Tarian Dabus	26
2.5 Kesan Pandemik Terhadap Seni Persembahan	27
2.6 Aplikasi Teori	28
2.7 Kesimpulan	30

BAB TIGA : METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan	31
3.1 Pendekatan Kajian	31
3.1.1 Pendekatan Kualitatif	31
3.2 Kaedah Kajian	31
(a) Pemerhatian	32
(b) Temubual	33
3.3 Sumber Kajian	35
3.3.1 Data Primer	35
3.3.2 Data Sekunder	36
3.4 Pensampelan Kajian	36
3.5 Kaedah Analisis Data	38
3.5.1 Analisis Tematik	39
3.6 Kesimpulan	40

BAB EMPAT : DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.0 Pengenalan	41
4.1 Elemen Penting Dalam Tarian Dabus	41
4.1.1 Ahli Yang Terlibat	42
4.1.2 Peranan Ahli Dabus Mengikut Gender	42
(a) Peranan Ahli Lelaki	43
(b) Peranan Ahli Wanita	47
4.1.3 Pemakaian Ahli Dabus Mengikut Gender	49
(a) Jenis Dan Warna Pakaian Ahli Dabus Lelaki	50
(b) Jenis Dan Warna Pakaian Ahli Dabus Wanita	50

(c) Proses Pemilihan Pakaian Ahli Dabus Lelaki	50
(d) Proses Pemilihan Pakaian Ahli Dabus Wanita	51
4.1.4 Kekerapan Latihan	52
4.1.5 Lokasi Latihan	52
4.1.6 Anak Dabus	53
4.1.7 Pantang Larang Alat Muzik Dabus	55
4.1.8 Jemputan Atau Permintaan Terhadap Dabus	58
4.2 Perspektif Masyarakat Terdapat Tarian Dabus	59
4.3 Penglibatan Golongan Muda Dalam Dabus	62
4.3.1 Faktor Yang Menarik Minat Golongan Muda Dalam Persembahan Dabus	63
4.3.2 Faktor Yang Menghalang Minat Golongan Muda Dalam Persembahan Dabus	71
(a) Sebelum Pandemik	71
(b) Semasa Pandemik	76
4.4 Cabaran Yang Dihadapi Semasa Pandemik	81
4.5 Langkah Yang Relevan Untuk Melestarikan Tarian Dabus	82
4.5.1 Sebelum Pandemik	82
4.5.2 Semasa Pandemik	84
4.6 Kesan Pandemik Terhadap Tarian Dabus	86
4.7 Kesimpulan	88

BAB LIMA : PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN

5.1 Pengenalan	90
5.2 Rumusan	90
5.3 Cadangan	93
5.4 Kesimpulan	94
RUJUKAN	96



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

FTKW

SENARAI JADUAL

JADUAL	HALAMAN
Jadual 3.1 : Informan Kajian	37
Jadual 3.2 : Transkrib temubual bersama responden	39



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

FTKWW

SENARAI RAJAH

RAJAH	HALAMAN
Rajah 2.1 : Kilang PNA barangan eletronik di Kampong Gajah, Perak.	16
Rajah 2.2 : Anak Dabus yang digunakan semasa tarian Dabus	19
Rajah 3.1 : Alat muzik yang digunakan dalam tarian Dabus	33
Rajah 3.2 : Gambar pengkaji bersama responden	34

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Malaysia merupakan negara yang mempunyai masyarakat majmuk serta hidup dalam aman damai. Oleh kerana Malaysia mempunyai pelbagai kaum seperti Melayu, Cina dan India maka sewajarnya negara ini memiliki pelbagai jenis warisan budaya ketara dan tidak ketara yang dimiliki setiap masyarakat.

Warisan merujuk kepada harta peninggalan, harta pusaka yang ditinggalkan oleh seseorang kepada orang lain. Contohnya harta kekayaan ayah yang diterima oleh anak cucu. Ia juga boleh ditafsirkan sebagai sesuatu ilmu atau perkara yang diwarisi secara turun temurun (Kamus Dewan, 2020). Manakala, budaya bermaksud tamadun atau peradaban. Contohnya kemajuan tamadun dari segi cara berfikir atau tindakan dalam sesuatu perkara (Kamus Dewan, 2020). Menurut ICOMOS (2002), warisan budaya adalah ekspresi cara hidup yang dibangunkan oleh masyarakat serta diwarisi secara turun-temurun seperti adat, amalan, tempat, objek, seni dan nilai.

Menurut Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia (2021) warisan tidak ketara adalah ilmu dan kepakaran yang ditafsir melalui tradisi lisan, nilai-nilai adat dan budaya, bahasa dan persuratan. Sebagai contoh adalah seperti acara perayaan, ritual dan kepercayaan, seni persembahan, seni tampak, seni perubatan tradisional, sukan dan permainan tradisional.

Warisan budaya tidak ketara juga boleh dijelaskan sebagai aspek bahasa dan perbahasan seperti peribahasa, gurindam, pantun, seloka, nyanyian, tarian, muzik, komposisi muzik, lirik lagu, ungkapan tradisi dan cerita lisan rakyat. Seni mempertahankan diri juga telah wujud berhubung dengan bahagian Malaysia atau

berhubung dengan warisan masyarakat Malaysia (Yusoff et.al, 2011). Dalam istilah yang lebih mudah menurut Yayasan Hasanah (2019), warisan budaya tidak ketara merujuk kepada sesuatu bidang ilmu yang tidak boleh dilihat, disentuh, dirasa namun ia mempunyai nilai-nilai warisan terhadap identiti sesebuah bangsa. Contohnya seperti persembahan, tarian, lagu, muzik, seni mempertahankan diri (Yayasan Hasanah, 2019).

1.1 Latar Belakang Kajian

Tarian Dabus dibawa daripada Sumatera ke Tanah Melayu khususnya negeri Perak pada sekitar tahun 1600 (Sarifan, 1996). Tarian ini pada mulanya dikatakan tidak mempunyai asal usul yang tepat (Sarifan, 1996). Namun menurut Bidin (2012), beberapa hasil kajian daripada penyelidik terdahulu mendapati bahawa tarian Dabus berkemungkinan berasal daripada Tanah Arab kerana lagu yang digunakan untuk tarian Dabus telah diterjemahkan daripada bahasa Arab kepada bahasa Melayu. Sejarah bermula tarian Dabus juga dinyatakan dalam buku kajian daripada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia (2003) pada asalnya merupakan pertunjukan seni mempertahankan diri bagi menakutkan pihak lawan dengan menunjukkan ilmu kekebalan mereka terhadap segala benda berbahaya pada tamadun Islam iaitu zaman Saidina Ali di Tanah Arab.

Terdapat penggabungan tiga unsur penting yang diperlukan dalam tarian Dabus iaitu tarian, pertunjukan dan nyanyian. Menurut Kaepler (2008), tarian adalah visual kompleks yang berkomunikasi melalui pergerakan masa dan ruang serta diiringi muzik. Pertunjukan merujuk kepada sesuatu yang dipertontonkan kepada umum seperti wayang, sandiwara, kebudayaan, atau pameran (Kamus Dewan, 2017). Menurut Bicknell (2015), lagu dalam nyanyian berfungsi sebagai komunikasi lisan yang diajar dari satu generasi ke generasi lain. Menurut Kipli (2012), meskipun tarian Dabus berada dalam kategori

seni persembahan, namun ia juga dianggap sebagai seni mempertahankan diri masyarakat zaman dahulu. Hal ini kerana, tarian Dabus menggunakan anak dabus yang mempunyai bentuk seperti cucuk sanggul. Tarian ini memerlukan anak Dabus oleh penari untuk dicucuk pada lengan mereka. Namun para penari tidak berasa sakit kerana anak dabus sudah dijampi terlebih dahulu. Anak Dabus hanya boleh dijampi dan dijaga oleh ketua atau khalifah kumpulan tarian tersebut. Hal ini kerana terdapat banyak pantang larang yang perlu diikuti oleh penjaga anak Dabus ini (Kipli, 2012).

Oleh kerana tarian ini mempunyai nilai warisan yang menarik iaitu menggunakan senjata tajam atau alatan tarian yang dipanggil sebagai anak Dabus, ia perlu dipromosi dengan kerap supaya tidak mudah dilupakan masyarakat. Perkara ini juga bertujuan bagi mengelakkan tarian ini pupus begitu sahaja akibat ketiadaan kesinambungan oleh pewaris akan datang.

1.2 Penyataan Masalah

Pada tahun 2020, kerajaan Malaysia terpaksa melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengekang penularan wabak Koronavirus di kalangan rakyat. PKP atau perintah berkurung ini menyebabkan segala pergerakan penduduk menjadi terbatas dan kerja-kerja harian terpaksa dilaksanakan dari rumah. PKP juga banyak memberi kesan kepada industri kreatif seperti seni persembahan. Menurut Magi et.al (2020) banyak aktiviti kesenian dibatalkan contohnya 'Sabah Festival'. Aktiviti 'Sabah Festival' merupakan pertandingan yang diadakan setiap tahun oleh kerajaan negeri Sabah bagi meraikan hari kebudayaan seperti Pesta Kaamatan, namun terpaksa dibatalkan sepenuhnya bagi mengelakkan penularan wabak Koronavirus.

Tambahan, menurut Ghazali (2021), aktiviti seni persembahan tahunan di negeri Kelantan iaitu wayang kulit juga terpaksa ditangguhkan semasa pandemik ini. Sebelum pandemik melanda, mereka yang terlibat dengan seni persembahan ini kerap mendapat jemputan persembahan daripada dalam dan luar negara. Namun setelah terjadinya pandemik, individu atau kumpulan yang terlibat dengan aktiviti kebudayaan tidak dapat melakukan aktiviti seni persembahan mereka seperti biasa. Perkara ini menyebabkan mereka yang bergantung sepenuhnya dengan pekerjaan dalam seni persembahan kehilangan sumber pendapatan (Magi et.al 2020).

Pandemik ini turut memberi kesan kepada aktiviti kebudayaan seperti tarian Dabus di negeri Perak. Tarian ini biasanya dipersembahkan kepada umum samada di majlis rasmi atau tidak rasmi sebelum pandemik. Namun, tarian ini kelihatan semakin dilupakan terutamanya generasi muda kerana promosi secara fizikal dari kerajaan negeri tidak dapat dilakukan akibat pandemik koronavirus. Aktiviti tarian ini terpaksa diberhentikan sementara waktu sehingga arahan kelonggaran dalam menjalankan aktiviti kebudayaan diberikan oleh kerajaan. Perkara ini dilihat sedikit sebanyak mengurangkan minat golongan muda untuk terlibat secara langsung dengan seni persembahan tradisional iaitu tarian Dabus.

Seterusnya, perkara ini membantutkan usaha kerajaan negeri dalam mencari individu yang berminat dengan seni persembahan seperti tarian Dabus. Umum mengetahui bahawa PKP menyebabkan penduduk tidak dapat keluar rumah sepenuhnya tanpa urusan penting. Perkara ini diperketatkan lagi dengan arahan yang dikeluarkan pihak kerajaan iaitu tidak boleh merentas daerah atau negeri semasa PKP. Menurut Bernama (2020), kerajaan Malaysia telah menghadkan pergerakan penduduk dalam radius tidak melebihi 10 kilometer (km) dari kediaman. Arahan ini berkuatkuasa penuh sewaktu PKP selaras dengan Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit

Berjangkit 2020 sehingga 14 April 2020. Ia membuatkan golongan muda yang kemungkinan berada di daerah atau negeri lain tidak dapat menghadiri latihan yang diadakan. Mereka hanya akan dapat hadir sekiranya kelonggaran diberikan setelah kes jangkitan pandemik dalam komuniti menurun dan mendapat suntikan vaksin Covid-19. Menurut Adnan (2021), aktiviti seni persembahan diberi kebenaran untuk beroperasi sekiranya penggiat seni telah lengkap dua dos suntikan vaksin Covid-19. Perkara ini selaras dengan Pelan Pemulihan Negara (PPN) iaitu memberi kelonggaran kepada industri kreatif untuk aktif menjalankan aktiviti semula mengikut prosedur yang ditetapkan.

Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk melihat sejauh mana penglibatan golongan muda dalam tarian Dabus serta perubahan dalam tarian Dabus di Kampong Gajah, Perak.

1.3 Persoalan Kajian

Terdapat beberapa persoalan kajian di dalam kajian ini iaitu :

1. Apakah faktor-faktor penglibatan golongan muda dalam seni persembahan tarian Dabus di Kampong Gajah, Perak?
2. Apakah implikasi pandemik Covid-19 terhadap penglibatan golongan muda dalam seni persembahan tarian Dabus di Kampong Gajah, Perak?
3. Apakah mekanisma yang relevan dalam melestarikan seni persembahan tarian Dabus di Kampong Gajah, Perak?

1.4 Objektif Kajian

Terdapat tiga objektif kajian yang dinyatakan bagi menjawab persoalan kajian. Antara objektif kajiannya adalah :

1. Mengenalpasti faktor-faktor penglibatan golongan muda dalam seni persembahan tarian Dabus di Kampong Gajah, Perak.
2. Mengkaji implikasi pandemik Covid-19 terhadap penglibatan golongan muda dalam seni persembahan tarian Dabus di Kampong Gajah, Perak
3. Mengkaji mekanisma yang relevan dalam melestarikan seni persembahan tarian Dabus di Kampong Gajah, Perak.

1.5 Skop Kajian

Kajian yang akan dilakukan ini bertempat dalam daerah Perak Tengah iaitu di mukim Kampong Gajah, Perak. Mukim Kampong Gajah ini terdapat sebuah kampung iaitu kampung Pulau Tiga yang penduduknya aktif terlibat dalam aktiviti tarian Dabus. Pengkaji memilih kawasan ini kerana aktiviti tarian ini dilihat masih aktif namun kurang dikenali terutamanya golongan muda semasa pandemik.

Kajian ini memfokuskan terdapat faktor penarik yang menjadi sebab golongan muda di sini untuk menceburkan diri dalam bidang seni persembahan iaitu tarian Dabus. Selain itu, kajian ini dibuat bagi melihat apakah kesan semasa pandemik yang diterima serta kaedah yang berterusan dalam mengekalkan warisan tarian ini supaya ianya dapat dilihat oleh generasi akan datang. Pengkaji telah memilih Teori Teater Belia oleh Hughes et.al (2004) bagi mengetahui saling kaitan teori dengan tajuk kajian. Pengkaji memfokuskan mengenai penglibatan golongan muda dalam tarian Dabus serta perubahan terhadap tarian Dabus semasa pandemik.

Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif seperti temubual dan pemerhatian di kawasan kajian lapangan. Selain itu, pengkaji menggunakan teknik pensampelan bukan kebarangkalian iaitu teknik pensampelan bertujuan dan teknik pensampelan bebola salji. Responden yang ditemubual oleh pengkaji adalah sekitar 10 orang sahaja. Responden yang ditemubual merupakan lapan ahli aktif dan dua ahli tidak aktif yang berkaitan dengan kumpulan Dabus. Akhir sekali, pengkaji menggunakan kaedah analisis tematik bagi mengetahui penyusunan data, membina tema dan akhir sekali adalah merumuskan mengenai topik ini.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian yang dilakukan mempunyai kepentingan kepada semua pihak. Hal ini kerana, hasil kajian yang dibuat akan menjadi bahan rujukan kepada generasi akan datang samada untuk kepentingan sendiri atau umum. Kajian ini juga dapat difahami oleh umum terutamanya penduduk negeri Perak mengenai warisan tidak ketara iaitu Tarian Dabus.

1.6.1 Individu

Individu yang ingin membuat penyelidikan terbaharu boleh menggunakan kajian ini sebagai rujukan mereka. Hal ini supaya mereka dapat membuat pengasingan maklumat untuk mendapatkan bukti kukuh berkaitan asal-usul tarian Dabus. Melalui kajian ini juga, seseorang boleh mencari maklumat lain melalui sorotan kajian lepas yang dinyatakan oleh pengkaji. Perkara ini akan memudahkan pengkaji akan datang mencari maklumat lebih mendalam mengenai kajian mereka.

1.6.2 Masyarakat

Kepentingan kajian ini kepada masyarakat pula adalah supaya mereka lebih memahami mengenai asal-usul, fungsi dan kepentingan tarian Dabus ini. Hal ini kerana, tidak semua orang dapat mewarisi bahagian tertentu dalam tarian Dabus iaitu dalam menentukan siapa yang perlu menjaga alat muzik Dabus kerana ia mempunyai pantang larang yang perlu diikuti. Masyarakat perlu mengetahui bahawa hanya keturunan atau pewaris yang terpilih sahaja yang dapat menjaga barangan yang digunakan dalam tarian tersebut. Masyarakat juga perlu tahu bahawa dahulu tarian Dabus merupakan tarian yang bersifat kepahlawanan kerana para penari mempunyai keberanian mencucuk anak

Dabus ke lengan tanpa rasa sakit. Justeru, kajian ini dibuat bagi memberi perasaan bangga kepada masyarakat yang mewarisi tarian Dabus tersebut.

1.6.3 Institusi Pendidikan

Pelajar universiti boleh menggunakan kajian yang dilakukan ini bagi melengkapkan penyelidikan mereka di samping membuat kerja lapangan. Perkara ini bertujuan untuk memupuk minat pelajar untuk membaca dan memahami secara mendalam mengenai topik yang dibuat oleh pengkaji.

1.7 Struktur Projek Penyelidikan

Projek penyelidikan ini terbahagi kepada lima bab. Bab pertama adalah mengenai pengenalan kajian. Diikuti pula bab 2 yang menunjukkan beberapa sorotan kajian lepas. Kajian lepas yang digunakan adalah mengikut susunan tema mengenai elemen asas dalam tarian Dabus. Dalam bab 2 juga terdapat penggunaan teori berkaitan golongan muda dalam seni persembahan iaitu Teori Teater Belia. Kemudian, bab 3 adalah tentang metodologi kajian. Dalam bab 3 ini membincangkan tentang kaedah yang digunakan bagi mencari maklumat mengenai kajian. Kaedah yang digunakan adalah kaedah kualitatif yang melibatkan proses temubual sebanyak sepuluh orang responden yang terlibat secara aktif atau tidak aktif dalam kumpulan Dabus.

Seterusnya adalah bab 4 iaitu hasil dapatan kajian. Dalam bab ini banyak membincangkan tentang data yang diproses setelah kerja lapangan dilakukan. Data yang diperoleh adalah mengikut objektif kajian. Tambahan, terdapat juga pecahan sub tema baharu yang dibuat setelah proses transkrib dilakukan. Terakhir adalah bab 5 yang membincangkan tentang rumusan mengenai kesan pandemik terhadap Dabus serta cadangan bagi menyelesaikan masalah kekurangan golongan muda dalam Dabus.

BAB DUA

KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Bab Dua membincangkan mengenai kajian yang dijalankan oleh pengkaji terdahulu berkaitan Tarian Dabus. Bab ini menerangkan mengenai gambaran keseluruhan topik yang dipecahkan menjadi tujuh bahagian iaitu pertama adalah mengenai pengenalan dan kedua adalah mengenai warisan budaya di Malaysia. Seterusnya adalah sejarah negeri Perak yang dibincangkan dengan lebih terperinci seperti nama, populasi penduduk, ekonomi dan politik kawasan kajian iaitu Kampong Gajah.

Seterusnya bab ini membincangkan mengenai asal-usul tarian Dabus. Keempat iaitu sejarah Dabus di Perak, bilangan ahli, kod etika pemakaian, senikata lagu, alat muzik yang digunakan, kepentingan dan waktu dipersembahkan. Kelima adalah mengenai kepentingan tarian Dabus. Tambahan, aplikasi teori merupakan bahagian keenam dalam kajian literatur ini. Bahagian terakhir adalah mengenai kesimpulan penuh bagi bab dua ini.

2.1 Warisan budaya di Malaysia

Malaysia merupakan sebuah negara berbilang kaum dan mempunyai pelbagai warisan budaya. Semangat perpaduan, hormat-menghormati antara masyarakat majmuk di negara ini memberi manfaat kepada usaha pemeliharaan dan pemuliharaan warisan budaya. Warisan budaya merupakan lambang atau identiti sesebuah masyarakat dan

perlu dipertahankan bagi memastikan generasi akan datang mengetahui warisan nenek moyang mereka.

Menurut Din (2008), warisan budaya merupakan sesuatu yang sangat bernilai bagi menunjukkan jati diri negara bangsa. Pembentukan identiti sesebuah bangsa berkait rapat dengan warisan budaya seperti kebudayaan dan kesenian yang dicipta oleh masyarakatnya sendiri.

2.1.1 Akta Warisan Kebangsaan (2005)

Akta Warisan Kebangsaan telah digubal pada tahun 2005 bagi memberi perlindungan kepada urusan pemeliharaan dan pemuliharaan warisan yang sedia ada di Malaysia. Dengan adanya Akta Warisan Kebangsaan (2005), ia dapat memperkukuhkan usaha menjaga dan menyelesaikan masalah berkaitan warisan budaya. Menurut akta ini, pelbagai aspek warisan yang terdiri daripada warisan budaya dan warisan semulajadi dapat dilindungi daripada ancaman pihak yang tidak bertanggungjawab (Yusoff et.al, 2011).

Tambahan, dengan adanya Akta Warisan Kebangsaan 2005 ia akan menjadi garis panduan kepada semua sistem perundangan bagi melindungi warisan budaya yang ada di Malaysia.

2.1.2 Definisi Warisan Ketara

Warisan ketara dalam Akta Warisan Kebangsaan (2005) merujuk kepada sesuatu benda yang mempunyai nilai bersejarah iaitu boleh dilihat secara fizikal serta diwarisi oleh generasi akan datang secara turun temurun. Menurut Yusoff et.al. (2011), contoh

warisan ketara adalah alam semulajadi, bangunan, rumah ibadat, monumen, makam, manuskrip, artifak, dan kelompok kawasan.

Selain itu, menurut Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia (2021) warisan ketara merupakan sesuatu benda yang boleh disentuh dan dilihat dengan mata kasar. Ia juga mempunyai ciri yang statik atau mudah alih. Statik merujuk kepada tapak bersejarah, monumen, bangunan dan benda yang tidak boleh digerakkan. Manakala warisan ketara mudah alih adalah seperti artifak-artifak lama yang boleh dipindahkan ke pelbagai tempat (Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, 2021).

2.1.3 Definisi Warisan Tidak Ketara

Konvensyen Perlindungan Terhadap Warisan Budaya Tidak Ketara telah dibentuk oleh UNESCO pada tahun 2003. Dalam konvensyen UNESCO (2003) turut dinyatakan mengenai definisi warisan tidak ketara iaitu :

Warisan budaya tidak ketara adalah perkara meliputi tradisi atau ungkapan lisan nenek moyang terdahulu yang diturunkan kepada generasi akan datang. Warisan budaya tidak ketara juga tidak terhad kepada satu elemen, malahan terdapat banyak elemen yang boleh ditetapkan sendiri bagi setiap negara yang mempunyai warisan budaya.

Konvensyen UNESCO 2003 telah menetapkan bahawa terdapat lima domain utama berkaitan warisan tidak ketara. Ianya adalah oral tradisi atau ekspresi, amalan sosial iaitu festival dan ritual, pengetahuan dan amalan mengenai alam semesta, seni persembahan dan seni pertukangan.

Yusoff (2015) menyatakan bahawa warisan tidak ketara adalah kegiatan budaya yang wujud melalui cipta dan idea berdasarkan pengamatan terhadap alam bagi mengisi ruang kehidupan seharian. Ia berkait rapat dengan ilmu pengetahuan atau kemahiran yang dimiliki manusia. Warisan tidak ketara juga diturunkan secara generasi ke satu generasi.

Menurut Akta Warisan Kebangsaan (2005) warisan tidak ketara adalah sesuatu perkara yang dijelaskan dari pelbagai aspek bahasa dan perbahasan. Dalam Akta Warisan Kebangsaan (2005) menyatakan bahawa warisan tidak ketara terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu peribahasa, pantun, seloka, gurindam, tarian, lirik lagu, tradisi lisan, seni persembahan, lakonan, muzik, nyanyian dan lukisan.

2.2 Sejarah Negeri Perak

Negeri Perak terkenal dengan peristiwa pembunuhan residen Inggeris pertama di Perak iaitu James Wheeler Woodford Birch atau J.W.W. Birch. Pembunuhan Birch ini diketuai oleh Dato Maharajalela di Pasir Salak. Residen Barat ini telah dibunuh pada tahun 1875 oleh si Puntum yang merupakan orang suruhan Dato Maharajalela. Beliau merupakan pengikut setia Dato Maharajalela yang menawarkan diri bagi membunuh Birch. Menurut Pian (2009), sebab utama Birch ini dibunuh kerana dia tidak pandai dalam menghormati adat dan budaya orang Melayu. Tambahan, rasa ketidakpuasan hati penduduk akibat kuasa Raja Melayu dan pembesar untuk mengutip cukai telah dirampas oleh penjajah Barat juga menjadi punca Birch dibunuh.

Menurut Pian (2009), mereka terutamanya penduduk Pasir Salak merasa marah kerana kuasa raja menjadi terhad dalam hal ehwal agama dan pembesar pula tidak lagi berkuasa untuk mengutip cukai. Berita mengenai pembunuhan Birch ini telah membangkitkan semangat penentangan orang Melayu terhadap penjajahan Barat di

Perak. Tambahan, sejak tersebarnya berita ini ke negeri lain, maka terhasillah semangat nasionalisme di kalangan orang Melayu yang bersatu menentang penubuhan Malayan Union pada tahun 1946. Perkara ini berterusan sehingga Tanah Melayu mendapat kemerdekaan tersendiri (Lembaga Muzium Perak, 2020).

Menyedari betapa pentingnya memperingati peristiwa bersejarah ini, Kompleks Sejarah Pasir Salak telah dibina bagi menyimpan barang-barang dan pameran visual berkaitan peristiwa orang Melayu menentang Birch di Perak. Selain itu, negeri Perak juga mempunyai warisan tidak ketara seperti adat suku kaum, makanan tradisional, sukan tradisional, seni persembahan iaitu tarian Dabus.

Sulong et.al (2013) menyatakan bahawa negeri Perak merupakan negeri yang bertuah kerana mempunyai pelbagai warisan turun temurun yang tidak ternilai harganya. Terdapat warisan tidak ketara yang masih dijaga oleh pengamal tempatan seperti silat, seni tari dan seni kata lagu yang digunakan dalam tarian (Sulong et.al, 2013). Hasil penyelidikan yang dijalankan oleh Sulong et.al (2013), mereka mendapati terdapat tiga jenis seni persembahan iaitu tarian Dabus, tarian Lotah dan tarian Bubu di kawasan Kampong Gajah. Namun, tarian Dabus merupakan tarian yang utama dan popular dipersembahkan penduduk Kampong Gajah sehingga kini.

2.2.1 Kampong Gajah, Perak

Negeri Perak terbahagi kepada dua belas daerah utama. Kawasan bagi kajian ini terletak di Kampong Gajah iaitu kawasan yang terletak di dalam daerah Perak Tengah. Menurut Pejabat Daerah dan Tanah Kampong Gajah (2021), kawasan ini merupakan pekan yang sedang membangun. Kawasan ini secara majoriti diduduki oleh penduduk berbangsa Melayu. Disekitar Kampong Gajah mempunyai kampung-kampung lama

semasa zaman residen British yang menjadi bukti bahawa ia merupakan kawasan bersejarah di negeri Perak (Pejabat Daerah dan Tanah Kampong Gajah, 2021).

Terdapat beberapa versi penceritaan yang menjadikan kawasan kampung ini dipanggil Kampong Gajah (Fauzi, 2016). Menurut sejarah pertama, kawasan ini mendapat nama Kampong Gajah kerana terdapat banyak gajah berkeliaran di dalam hutan rimba berhampiran Bukit Tunggul. Gajah ini berkeliaran dan memakan hasil tanaman penduduk kampung. Bermula dari peristiwa ini, Kampong Gajah ini mendapat namanya.

Sejarah kedua pula mendakwa bahawa nama Kampong Gajah disebabkan oleh kesan tapak kaki gajah yang banyak dilihat di tepi sungai dan sawah. Setelah penyelidikan dilakukan ternyata kaki gajah itu sebenarnya adalah tapak kaki manusia yang mendapat penyakit untut. Menurut Masrizal (2012), penyakit untut berpunca akibat bawaan nyamuk elephantiasis. Nyamuk yang diberi nama saintifik iaitu nyamuk elephantiasis banyak terdapat di hutan paya tropika. Penyakit ini terkenal pada masa dahulu yang menyebabkan kaki serta tapak kaki menjadi besar seperti kaki gajah. Penduduk yang terkena penyakit untut akan menyebabkan kaki menggerutu dan menjijikkan. Oleh kerana kesan tapak kaki tersebut, penduduk kampung menganggap kawasan itu mempunyai gajah yang banyak sehingga kawasan ini diberi nama Kampong Gajah (Fauzi, 2016).

2.2.2 Populasi Penduduk

Terdapat enam buah mukim yang ada dalam daerah Perak Tengah iaitu mukim Kampong Gajah, Pulau Tiga, Pasir Salak, Pasir Panjang Ulu, Bandar dan Kota Setia. Jumlah keseluruhan penduduk di sekitar enam mukim ini menurut Majlis Daerah Perak Tengah adalah sebanyak 38,287 orang pada tahun 2021.

Pengkaji akan membuat kajian mengenai Tarian Dabus di sekitar mukim Kampong Gajah. Populasi penduduk di sekitar Kampong Gajah adalah seramai 8412 orang pada tahun 2021. Keluasan kawasan Kampong Gajah adalah 5957.00 hektar (Majlis Daerah Perak Tengah, 2021).

2.2.3 Ekonomi



Rajah 2.1 : Kilang PNA barangan elektronik di Kampong Gajah, Perak.

Penduduk sekitar Kampong Gajah bergantung kepada ekonomi seperti perindustrian (Rajah 2.1) dan perniagaan di kedai-kedai atau pasaraya. Penduduk Kampong Gajah kebanyakannya menjalankan aktiviti perniagaan seperti berniaga di pasar pada hari minggu.

Selain itu, kawasan Kampong Gajah ini juga merupakan kawasan peladangan. Terdapat sebuah bangunan Pertubuhan Peladang Kawasan Kampong Gajah (PPK). PPK ini menyediakan khidmat pengurusan dalam sektor pertanian. Segala hasil tanaman penduduk seperti fertigasi cili, tanaman nanas, semaian sawit diuruskan oleh PPK. Ia bukan sahaja menguruskan mengenai hasil tanaman, namun juga dari segi perkhidmatan jentera pertanian turut ditawarkan kepada para petani (Pertubuhan Peladang Kawasan Kg. Gajah, 2017).

2.2.4 Politik dan Pentadbiran

Negeri Perak merupakan salah satu daripada 9 negeri yang mempunyai Sultan di Malaysia. Menurut Pejabat D.Y.M.M. Paduka Seri Sultan Negeri Perak (2022), institusi kesultanan masih lagi wujud tetapi sudah berubah fungsinya. Pada waktu kini, sultan berperanan sebagai ketua agama Islam dan adat-adat Melayu. Sultan negeri Perak yang terkini adalah Sultan Nazrin Muizzudin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Shah Muhibuddin Shah Al-Maghfur-Lah.

Sistem pentadbiran politik negeri Perak masih lagi kekal berada dibawah parti Barisan Nasional meskipun pentadbiran kerajaan Malaysia telah berada dibawah parti lain. Menteri besar negeri Perak adalah YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad. Beliau memegang jawatan sejak tahun 2020 sehingga kini. Kawasan Kampong Gajah terletak di bawah pentadbiran wakil rakyat yang bernama Datuk Dr. Wan Noorashikin Binti Wan Nordin. Beliau masih lagi memegang jawatan sebagai wakil rakyat sehingga kini. Kawasan Kampong Gajah ini mempunyai wakil seorang penghulu yang dilantik bagi memudahkan penduduk sekitar membuat urusan atau mendapatkan cop pengesahan rasmi.

2.3 Asal-usul Tarian Dabus

Tarian Dabus bermula sejak zaman pemerintahan Islam di Tanah Arab (Ali et. al, 2015). Semasa zaman Khalifah Zainal Abidin iaitu cucu kepada Saidina Ali dan anak kepada Saidina Hassan telah berlakunya peperangan antara dua puak akibat perselisihan faham. Kesan daripada peperangan ini, pihak yang menyokong Saidina Ali telah mencipta tarian Dabus. Tarian ini pada mulanya dianggap seni mempertahankan diri kerana penari-penari boleh berjalan di atas pedang, dihimpit batu, bermain api, digigit ular berbisa atau mencederakan badan dengan peralatan dabus. Mereka tidak berasa

sakit kerana telah dijampi dahulu oleh ketua kumpulan. Tarian ini secara spesifik ingin menakutkan pihak musuh supaya mereka menganggap kumpulan yang memainkan tarian ini kebal dari segala benda bahaya. (Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, 2003).

Menurut Miller et.al (2008), Asia Tenggara mempunyai berjuta-juta rakyat yang menyokong kuat pemerintahan pemimpin mereka dari segi aspek ekonomi, politik, serta keagamaan. Justeru itu, tidak hairanlah pada zaman dahulu Asia Tenggara mudah menerima budaya yang dibawa dari luar kerana rakyatnya patuh mengikut arahan pemerintah. Di Asia Tenggara, kekuatan sesebuah negara biasanya bergantung kepada seseorang yang mempunyai pengaruh besar dalam mengumpulkan sebilangan pengikut untuk mengikut ajaran atau arahan yang diberi. Maka, dengan mudah kebudayaan dari luar terutamanya Timur Tengah disebarkan melalui hubungan perdagangan dengan Asia Tenggara.

Sebagai contoh, menurut Oetomo (2008), Lamuri atau setelah ditukar namanya iaitu Aceh merupakan kerajaan Islam yang cukup besar di Nusantara pada sekitar abad ke 15. Kerajaan Aceh pada ketika itu cukup kuat berpegang dengan ajaran Islam serta mempunyai hubungan diplomatik kukuh antara negara dari Arab. Disebabkan hubungan erat antara Aceh dan Timur Tengah membuatkan penduduk Aceh menerima sedikit demi sedikit budaya yang dibawa dari Arab contohnya tarian Dabus di samping menjalankan perdagangan bersama.

Selain itu, pergerakan tarian Dabus sangat kuat dan berkaitan dengan gaya pencak silat. Ia mempunyai kaitan dengan seni mempertahankan diri yang terdapat di seluruh Kepulauan Melayu ketika itu (Folley, 1985). Tarian Dabus mempunyai istilah yang dijelaskan oleh penari iaitu menganggap diri mereka sebagai kapal kosong yang digerakkan oleh roh, dewi atau pun rakan-rakan para nabi (Folley, 1985).

Sebagaimana diketahui, tarian ini memerlukan penari mencucuk lengan mereka dengan anak Dabus yang tajam. Folley (1985) turut menyatakan terdapat pemimpin atau ketua yang terlibat dalam tarian Dabus. Selain daripada melatih anak buah melakukan latihan Dabus, ketua juga terlibat dalam memberi mantera atau jampi bagi memberi penari kebal daripada sebarang tusukan semasa menari. Menurut Kipli (2009), persembahan ritual adalah suatu upacara yang terhasil daripada keinginan untuk menjalinkan diri dengan alam ghaib bagi tujuan tertentu seperti ketenangan, kebaikan dan kesejahteraan pengamalnya.

2.3.1 Nama Dabus



Rajah 2.2 : Anak Dabus yang digunakan semasa tarian Dabus

Tarian Dabus ini mendapat nama daripada penggunaan alatan besi tajam yang berbentuk seperti cucuk sanggul iaitu anak Dabus seperti Rajah 2.2. Dabus merupakan perkataan dalam bahasa Bugis yang bermaksud besi atau lembing yang tajam. Besi tajam yang digunakan untuk tarian Dabus ini mendapat nama dalam bahasa Bugis kerana ia dibawa dari Arab ke Indonesia. Besar kemungkinan terdapat pertukaran bahasa bagi memudahkan ianya disebut penduduk tempatan. Ia juga lebih dikenali sebagai anak Dabus iaitu besi yang dipegang oleh penari semasa melakukan

persembahan. Bagi menghasilkan bunyi gemercik dalam pola irama lagu, penari akan menggoncang Dabus ini. Setiap pergerakan pola tarian Dabus mempunyai maksud tersendiri iaitu bertujuan untuk menakutkan musuh atau mempertahankan diri. Ia juga melambangkan kekebalan atau kegagahan seseorang yang mempersembahkan tarian tersebut. (Sulong et.al, 2013).

Penggunaan anak Dabus dalam tarian Dabus adalah wajib kerana untuk memperlihatkan keberanian penari. Hal ini disebabkan tarian Dabus sangat sinonim dengan sifat kepahlawanan seseorang kerana berani melukakan diri sendiri serta melakukan hal yang ekstrim seperti meniti di atas pedang, batu giling dihempas ke atas peha, meranduk dalam api dan membiarkan diri digigit oleh ular berbisa. Ia bertujuan untuk menakutkan pihak musuh. Menurut Kamus Dewan (2017), pahlawan merujuk kepada orang yang gagah dan berani iaitu seorang pejuang tanah air atau perwira yang mempunyai semangat nasionalisme. Jika mereka tidak menggunakan anak Dabus dalam tarian ini, maka hilanglah identiti dabus itu (Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, 2003).

Menurut Kar (2006), anak Dabus hendaklah dijaga dengan rapi. Segala jenis pantang larang hendaklah dipatuhi iaitu anak Dabus tidak boleh dilangkah malah perlu dielakkan daripada jatuh ke tanah kerana risau ia rosak. Anak Dabus dianggap mempunyai identiti istimewa dalam tarian Dabus kerana hanya orang tertentu boleh memegangnya. Individu yang tidak mempunyai kaitan dengan tarian ini juga dilarang menyentuh semua jenis peralatan Dabus terutamanya anak Dabus kerana dikhuatiri mengundang perkara yang tidak diinginkan berlaku (Kar, 2006).

2.4 Sejarah Tarian Dabus di negeri Perak

Asal-usul tarian Dabus ini sebenarnya sukar dikenal pasti (Sarifan 1996). Menurut Sarifan (1996), tarian ini diperkenalkan semasa zaman pemerintahan Sultan Mudzafar Shah II di Melaka sekitar tahun 1600. Dalam tempoh masa tersebut, Dabus giat dipersembahkan oleh orang Aceh kepada masyarakat negeri Perak pada masa itu. Menurut Nasuruddin (1994), Aceh telah muncul sebagai kuasa baru di Nusantara setelah Melaka jatuh ke tangan Portugis. Secara tidak langsung, negeri Perak yang berada di bawah naungan Aceh sejak tahun 1573 menerima kesan dari segi perubahan sosial dan warisan budaya. Tarian Dabus mula dimainkan di Pasir Panjang, Perak dan penduduk di situ mempercayai ia disebarkan oleh pedagang Aceh (Nasuruddin, 1994).

Dalam buku yang bertajuk Pengenalan Dabus hasil terbitan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia (2003) merumuskan bahawa tarian Dabus merupakan salah satu tarian yang masih kekal relevan di Perak. Ini kerana tarian Dabus telah bertahan sekitar 422 tahun bermula 1600 yang lalu sehingga kini iaitu tahun 2022, meskipun sekarang negara telah diresapi dengan arus kemodenan. Walaupun tarian Dabus ini telah wujud beratus tahun dahulu di negeri Perak, namun ianya masih lagi dipersembahkan oleh pewarisnya dalam usaha mempertahankan warisan nenek moyang terdahulu.

Bidin (2012) turut merumuskan bahawa asal-usul tarian Dabus berasal Timur Tengah iaitu Arab dan Parsi. Kemudian, ianya telah disebarkan oleh pedagang Islam yang berdagang dari Sumatera sehingga ke Tanah Melayu. Sejarah kewujudan tarian Dabus di Perak menurut Kar (2006) dan Sulong (2013) bermula sekitar tahun 1600 apabila dua orang pedagang dari Batu Bahara, Sumatera yang cuma dikenali sebagai Nakhoda Lembang dan Nakhoda Topah datang merantau ke Perak. Mereka kemudiannya berhijrah di Telaga Nenas, Sitiawan. Sepanjang mereka tinggal di situ,

kedua-dua nakhoda tersebut berehat dan berlatih bermain dabus pada waktu malam. Kesannya, ia berjaya menarik perhatian penduduk setempat untuk mempelajari mengenai tarian Dabus yang dibawa oleh kedua pedagang itu (Kar, 2006).

Tarian ini telah berjaya berkembang di pesisir pantai barat iaitu negeri Perak sekitar tahun 1600 (Bidin, 2012). Hal ini kerana pada masa dahulu, pesisir pantai barat Tanah Melayu mempunyai kedudukan yang strategik sehingga menjadi laluan perdagangan utama dunia. Impaknya, negeri yang berada di kawasan laluan perdagangan ini menerima pelbagai adat dan budaya dari luar.

Tambahan, terdapat tiga kawasan dalam negeri Perak yang masih mengamalkan tarian Dabus. Kawasan tersebut adalah Kampong Tanjung Bidara, Kampong Titi Panjang Laut dan Kampong Gajah (Sarifan, 1996). Menurut Sulong et.al (2013) kumpulan Dabus di kawasan ini masih lagi mengamalkan dan mempersembahkan tarian kepada masyarakat.

2.4.1 Bilangan ahli kumpulan Dabus

Penari adalah individu penting yang memainkan sesebuah tarian. Menurut Haryono (2012), penari adalah seseorang yang menguasai dan menggabungkan ketiga unsur utama tarian iaitu gerak, irama dan rasa.

Terdapat kira-kira dua puluh dua orang ahli yang memainkan peranan penting dalam Tarian Dabus (Bidin, 2012). Dalam kumpulan dabus, mereka mempunyai seorang ketua atau khalifah, seorang pengatuk gong, enam orang penari dan selebihnya lima hingga enam orang adalah yang bermain rebana. Walaubagaimanapun, pemuzik juga tidak terkecuali dalam menghidupkan suasana lagu untuk mengiringi tarian. Setiap kumpulan dabus haruslah saling melengkapi seperti adanya penari, pemain muzik dan

diketahui oleh khalifah yang mahir dari segi nyanyian, tarian dan bermain alat muzik. (Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, 2003).

Terdapat juga pendapat menyatakan sepuluh hingga lima belas orang penari yang mempersembahkan tarian Dabus. Manakala baki selebihnya adalah pemain muzik dan satu adalah ketua penari Dabus (Obi, 2016). Khalifah merupakan seorang ketua yang bertanggungjawab dalam menjaga keselamatan anak buah daripada sebarang anasir negatif seperti tercedera semasa mempersembahkan tarian Dabus (Nasution, 2017).

2.4.2 Etika pemakaian

Sebuah tarian mempunyai kaitan dengan busana atau pemakaian yang sesuai mengikut penari dan tempat. Kebiasaannya penari akan memakai baju Melayu yang sesuai dilengkapi dengan tanjak atau songkok.

Menurut buku pengenalan Dabus (2003), pakaian yang dipakai oleh penari Dabus adalah baju Melayu. Warna pakaian ditentukan oleh ketua kumpulan. Pakaian Dabus bagi orang dewasa adalah baju Melayu berwarna hitam yang lengkap dengan sampin. Manakala, pakaian Dabus bagi kanak-kanak adalah berwarna hijau pucuk pisang. Warna hitam secara umumnya melambangkan sifat kepahlawanan Melayu. Cara pemakaian ini tidak mengira jantina samada lelaki atau wanita, kedua-duanya harus memakai baju Melayu (Bidin, 2012).

Terdapat beberapa pecahan lagu dabus yang digunakan dalam persembahan Dabus (Sabirin, 1972). Irama lagu Dabus adalah gabungan antara nasyid, pantun dan zikir daripada kitab zanji. Menurut Rahman (1995), semasa tarian Dabus diperkenalkan di negeri Perak, penduduk tempatan masih menggunakan bahasa asal lagu Dabus iaitu nasyid bahasa Arab yang diambil dari kitab berzanji. Setelah beberapa lama bertapak di

negeri Perak, seni kata kata lagu ini diubah sedikit kepada bahasa Melayu dan dicipta mengikut kreativiti penggubah lirik Dabus ini (Rahman, 1995).

2.4.3 Senikata Lagu Dabus

Seni adalah satu perkataan yang mempunyai makna tersendiri dan pengertiannya amat luas. Antara cabang-cabang seni adalah muzik, nyanyian, lagu dan nasyid (Hanafi et.al, 2014).

Lagu Dabus turut diselitkan pantun-pantun yang disesuaikan dengan tempat persembahan dan mudah dihafal oleh penari dan pemain muzik. Menurut Bidin (2012), pantun yang dicipta mempunyai penerangan atau mesej berunsurkan alam, budaya dan kehidupan orang Melayu. Ia juga dikaitkan dengan unsur-unsur nasihat dalam pantun tersebut bagi memberi kesedaran kepada penonton. Perkara ini boleh dilihat melalui rangkap satu dan dua pantun yang dinyanyi secara berselang seli dengan berzanji. Rangkap pantun di bawah adalah sebahagian daripada lirik lagu Dabus iaitu Solellah Mahkota Tok Alam.

Pantun 1

Adam Datok Siti Hawa nenek moyang kita
Wafat di Juddah Ilallah di luar kota
Panjang kuburnya empat puluh hasta
Batu nesannya Ilallah berjalur tiga

Pantun 2

Solellah Mahkota Tok Alam
Bukit Samaan kubur aulia
Dituntut besi yang tajam
Buat penawar besi yang bisa

Dari segi bahasa amat jelas terdapat pengaruh bahasa Arab dalam rangkap pantun ini. Manakala dari segi isi keseluruhan pantun merujuk kepada cara penyampaian dakwah dan sirah kepada masyarakat awam. Ia juga berkaitan pengaruh dan pembawaan agama Islam secara santai dan menjadi halwa telinga masyarakat ketika itu.

Menurut Muhammad (2010), lirik dalam pantun Dabus boleh digubah mengikut penggiat tarian, namun mereka lebih selesa menyanyikan lirik pantun yang digubah sejak dahulu. Tambahan pula, lagu ini dinyanyikan secara berselang-seli antara bahasa Arab dan bahasa Melayu iaitu zanjī kemudian diikuti oleh pantun.

Semasa tarian Dabus diperkenalkan pada sekitar tahun 1600 senikata lagu masih lagi menggunakan bahasa Arab sepenuhnya. Setelah lama bertapak di negeri Perak, lirik lagu Dabus telah digubah kepada bahasa Melayu (Sulong, 2013). Kebanyakannya senikata lagu Dabus memuji kebesaran Allah dan para Rasul. Menurut Sulong et.al

(2013) dahulu lagu Dabus dinyanyikan secara berselang seli iaitu daripada bahasa Arab kepada bahasa Melayu. Penggiat Dabus mengambil kira faktor penggunaan bahasa yang dominan di kawasan Kampung Gajah untuk dijadikan sebagai salah satu lagu Dabus. Tambahan, penggunaan kata-kata indah dalam memuji kebesaran Allah dan Rasul masih lagi digunakan.

2.4.4 Alat muzik yang digunakan

Terdapat tiga peralatan muzik yang digunakan semasa persembahan tarian Dabus adalah seperti gong, rebana Dabus dan anak Dabus (Sulong et.al, 2013). Ketiga-tiga peralatan ini mempunyai fungsinya tersendiri. Gong berfungsi sebagai bunyi permulaan bagi tarian Dabus semasa ia dimainkan. Rebana Dabus turut mempunyai fungsi iaitu sebagai bunyi rentak lagu mengikut pola tarian. Anak Dabus pula berfungsi sebagai alat muzik yang digunakan untuk mencucuk lengan penari. Setiap gerak geri penari Dabus ini berpandukan paluan gong yang dimainkan oleh pemain muzik.

Kebiasaannya, sebanyak empat hingga lima rebana Dabus digunakan oleh pemain muzik semasa persembahan dijalankan. Manakala anak Dabus pula dipegang dan dimainkan oleh penari. Semasa menari mengikut rentak muzik, anak Dabus ini dipegang erat oleh kedua-dua belah tangan penari. Bidin (2012) menjelaskan anak Dabus berfungsi sebagai alat tajam yang bertujuan mencucuk lengan penari. Besi ini mampu mengeluarkan bunyi dari gegelang besi semasa digoyangkan oleh penari dalam persembahan (Bidin, 2012).

2.4.5 Fungsi Tarian Dabus

Tarian adalah bentuk gerak yang indah, lahir dari tubuh yang melakukan pergerakan mengikut irama sesuai dengan tujuan (Jazuli, 2008). Jazuli (1994)

menyatakan tarian mempunyai empat fungsi iaitu tarian untuk upacara, tarian sebagai pertunjukan, tarian sebagai hiburan dan tarian sebagai media pendidikan. Tarian untuk upacara adalah seperti majlis istiadat diraja, manakala tarian sebagai pertunjukan adalah membuat persembahan di televisyen. Kemudian, tarian sebagai hiburan merujuk kepada tarian yang dimainkan sewaktu kenduri kahwin. Tarian sebagai media pendidikan adalah tarian yang diajar atau dipersembahkan kepada institusi pendidikan.

Tarian Dabus dipersembahkan di dalam masyarakat zaman dahulu sebagai hiburan. Tarian Dabus dilihat sebagai salah satu hiburan ketika waktu senggang dan dipersembahkan setelah penat bekerja (Sulong et.al, 2013). Persembahan Dabus biasanya dipersembahkan pada waktu malam setelah penduduk kampung selesai sembahyang Isyak. Hal ini kerana, penduduk zaman dahulu tidak mempunyai teknologi seperti televisyen di rumah, jadi mereka menjadikan persembahan tarian Dabus ini sebagai hiburan. Tarian Dabus dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara penduduk.

Kini, tarian Dabus hanya dipersembahkan semasa upacara rasmi, majlis kebudayaan setempat, hari keluarga, hari penyampaian hadiah sekolah atau perkahwinan sahaja kerana fungsinya sudah berubah mengikut peredaran zaman. Hal ini kerana tidak ada lagi golongan muda yang memainkan tarian Dabus serta rumah setiap penduduk mempunyai televisyen.

2.5 Kesan Pandemik Terhadap Seni Persembahan

Menurut Bernama (2021), Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan bahawa semasa pandemik penggiat industri kebudayaan dan kesenian mengalami kerugian kira-kira RM85 juta dalam tempoh setahun. Perkara ini membuatkan ramai

penggiat seni yang bergantung kepada seni persembahan terpaksa mencari pekerjaan tambahan lain bagi menampung kehidupan.

Selain itu, industri seni persembahan seperti seni tari turut terkesan kerana kesukaran untuk bergerak secara bebas bagi melakukan aktiviti mereka. Menurut Kamarulbaid (2021), industri seni persembahan iaitu seni tari menjadi malap berikutan kesan daripada varian baru pandemik Covid-19. Ramai penggiat seni yang terlibat dengan seni persembahan terpaksa bekerja sebagai penghantar makanan dan sebagainya bagi membayar bil rumah serta bil lain (Kamarulbaid, 2021).

Seterusnya, menurut Yusop (2021) terdapat beberapa seni persembahan yang terlibat dengan JKKN terjejas seperti Mak Yong, caklempong, kuda kepang, boria serta tarian kaum dan etnik. Program Pelancongan Budaya sempena tahun melawat Malaysia 2020 anjuran JKKN juga tidak dapat dilaksanakan kerana pandemik (Yusop, 2021). Oleh kerana pandemik ini menyebabkan program anjuran JKKN samada peringkat antarabangsa ataupun negeri terpaksa dibatalkan.

2.6 Aplikasi Teori

Teori Teater Belia oleh Hughes dan Wilson (2004) digunakan dalam kajian ini. Ia menerangkan mengenai kesan organisasi yang banyak membangunkan golongan muda berkaitan aktiviti teater pada waktu lapang. Teater belia turut menunjukkan bahawa golongan muda mempunyai sebab tersendiri setelah mengenal pasti kemampuan dan potensi bakat yang dimiliki oleh mereka. Teori ini juga membantu golongan muda membina keyakinan diri untuk berhadapan dengan orang ramai. Seorang individu yang terlibat dalam industri kreatif mampu mencipta identiti tersendiri dan memperkukuh hubungan antara satu sama lain.

Impak lain adalah seperti mampu mencipta keyakinan untuk lebih tampil di khalayak umum. Matarasso (2002) menyatakan bahawa golongan muda yang terlibat dalam aktiviti kesenian menyedari bahawa mereka mendapat pelbagai manfaat daripadanya. Sebahagian daripada golongan muda merasakan bahawa aktiviti kesenian mengubah cara hidup mereka daripada merasa rendah diri kepada mempunyai keyakinan diri yang tinggi. Melalui aktiviti seni persembahan seperti tarian atau teater menggalakkan mereka menggunakan imaginasi bagi membentangkan idea yang bernas. Seni persembahan juga mampu memberi ruang dan peluang kepada golongan muda mengasah dan mengetengahkan bakat mereka.

Melalui teori Teater Belia, kajian dapat melihat kesan positif terhadap golongan muda yang menyertai aktiviti kesenian. Buktinya, masih terdapat segelintir golongan muda yang berminat untuk menyertai tarian Dabus ini meskipun ia berada dalam kategori tarian tradisional. Golongan muda yang menyertai tarian Dabus dapat membina keyakinan diri mereka untuk berhadapan dengan orang ramai semasa melakukan persembahan. Terdapat juga golongan muda yang terpilih untuk menyertai tarian Dabus di Kampung Gajah ini melalui uji bakat di sekolah-sekolah tertentu. Perkara ini dapat dirumuskan bahawa teori Teater Belia banyak menjelaskan seni persembahan mampu untuk membuka ruang dan peluang terhadap anak muda menyerlahkan bakat mereka.

2.7 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini menghuraikan tentang kajian literatur yang dibuat oleh pengkaji terdahulu. Kajian literatur ini dilakukan mengikut susunan daripada topik umum kepada huraian yang lebih mendalam. Pengkaji turut meletakkan huraian mengenai tarian Dabus dalam kehidupan masyarakat di Perak terutamanya di kawasan Kampong Gajah. Hal ini kerana terdapat pelbagai pendapat berbeza mengenai fungsi tarian Dabus pada zaman dahulu jika dibandingkan dengan zaman sekarang. Contohnya pada zaman dahulu tarian ini dikenali sebagai seni mempertahankan diri namun sekarang fungsinya sudah berubah menjadi tarian warisan masyarakat negeri Perak. Tambahan, tarian ini masih dikenali sebagai simbolik kehebatan pahlawan Melayu. Oleh itu, pengkaji menggunakan teori Teater Belia bagi mengaitkannya dengan tajuk kajian iaitu ‘Pelestarian Terhadap Tarian Dabus Semasa Era Covid-19 Dalam Kalangan Golongan Muda di Kampong Gajah, Perak’. Pengkaji merasakan teori ini bersesuaian kerana ia melibatkan kesan penglibatan golongan muda dalam aktiviti kesenian.

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Bab Tiga menerangkan mengenai metodologi atau kaedah kajian. Bab ini membincangkan tentang pengenalan serta menjelaskan keseluruhan topik yang disenaraikan dalam metodologi kajian. Kedua, metodologi kajian ini menerangkan mengenai pendekatan yang digunakan iaitu pendekatan kualitatif. Kaedah yang digunakan oleh pengkaji adalah pemerhatian dan temubual.

Seterusnya, sumber daripada kajian ini adalah dari sumber primer dan sekunder serta artikel atau jurnal dari kajian terdahulu. Kemudian, adalah mengenai persampelan bukan kebarangkalian iaitu pensampelan bertujuan dan pensampelan bebola salji. Akhir sekali adalah tentang kaedah analisis data bagi kajian yang dilakukan.

3.1 Pendekatan Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Pendekatan kualitatif digunakan bagi mencapai objektif kajian dan menjawab persoalan kajian mengenai penglibatan golongan muda dalam tarian Dabus di Kampong Gajah, Perak.

3.1.1 Pendekatan Kualitatif

Pendekatan kualitatif adalah bentuk tindakan sosial dari segi cara tafsiran manusia, memahami pengalaman mereka dalam kehidupan seseorang seperti temuramah, buku harian, jurnal, pemerhatian, soal selidik, analisis data visual, teks dan sejarah lisan (Zohrabi, 2013). Menurut Jasmi (2012) pendekatan kualitatif adalah

berbentuk temubual, pemerhatian dan analisis data. Pendekatan kualitatif adalah hasil kajian yang mempunyai bukti kerja lapangan serta diari pengkaji (Jasmi, 2012).

Menurut Merriam (2020), pendekatan kualitatif memfokuskan terhadap pemahaman, pengetahuan, penemuan, wawasan dan pandangan responden atau orang yang terlibat dalam kajian. Ia juga merujuk kepada penjelasan mengenai pengalaman atau pengetahuan seseorang secara menyeluruh (Merriam, 2020). Patton (2015) menjelaskan bahawa pendekatan kualitatif digunakan bagi memahami dengan lebih mendalam mengenai sesuatu perkara serta memperolehi pandangan baru yang mungkin tidak boleh didapati dalam kaedah kuantitatif.

Melalui pendekatan kualitatif, pengkaji mendapat maklumat secara langsung daripada responden yang ditemuramah. Selain itu, pengkaji membuat pemerhatian secara terus bagi melihat tempat latihan, pakaian, alat muzik Dabus serta bahan bacaan berkaitan tarian Dabus iaitu sijil penghargaan dan kitab zanji.

3.2 Kaedah kajian

Kaedah kajian merujuk kepada cara pengkaji dalam mencari maklumat untuk laporan kajian kajian. Kaedah kajian yang digunakan adalah pemerhatian dan temubual.

(a) Pemerhatian

Pemerhatian merupakan cara terbaik bagi mendapatkan data asal mengenai sesuatu kajian (Merriam, 2002) . Menurut Jasmi (2012), terdapat dua pembahagian dalam pemerhatian iaitu secara terus dan melalui penglibatan. Pemerhatian secara terus merujuk kepada kaedah yang tidak melibatkan komunikasi antara manusia. Pemerhatian melalui penglibatan pula merupakan

kaedah yang membuatkan pengkaji berkomunikasi secara langsung dengan manusia bagi mengetahui tentang kehidupan sesebuah masyarakat (Jasmi, 2012).



Rajah 3.1 : Alat muzik yang digunakan dalam tarian Dabus

Oleh itu, pengkaji telah memilih kaedah pemerhatian secara terus kerana pengkaji hanya mahu melihat tempat latihan ahli Dabus, pakaian yang digunakan sewaktu persembahan serta alat muzik Dabus seperti yang dinyatakan pada Rajah 3.1. Di samping itu juga, melalui hasil pemerhatian pengkaji dapat melihat sijil-sijil dan buku yang berkaitan dengan kumpulan Dabus tersebut. Kamera telefon turut digunakan untuk mengambil gambar semasa kerja pemerhatian di lapangan kajian.

(b) Temubual

Temubual adalah suatu bentuk interaksi atau komunikasi yang melibatkan dua orang atau lebih dari itu (Singarimbun et.al. 1995). Jasmi (2012) menyatakan temubual terbahagi kepada dua iaitu temubual secara mendalam dan temubual berfokus. Temubual secara mendalam adalah menggunakan responden yang mempunyai kuantiti agak sedikit dan ia memudahkan pengkaji untuk memperoleh data yang tepat. Hal ini kerana, pengkaji hanya memfokuskan

terhadap bilangan responden yang rendah. Temubual berfokus pula merujuk kepada suatu kelompok yang mempunyai ciri tertentu dan sama dengan yang diperlukan untuk kajian. Pengkaji menemubual ketua kumpulan Dabus dan menemubual lagi beberapa orang responden lain dalam kumpulan itu bagi mendapatkan maklumat.

Pengkaji telah menemubual 10 orang responden yang berkaitan dengan kumpulan Dabus. Pengkaji mendapati bahawa terdapat faktor penarik terhadap penglibatan golongan muda dalam tarian ini. Di samping itu juga, pengkaji mendapat maklumat tentang kaedah relevan digunakan untuk menghidupkan aktiviti tarian Dabus ini secara berterusan semasa pandemik koronavirus.



Rajah 3.2 : Gambar pengkaji bersama responden

Pengkaji menggunakan kaedah temubual secara bersemuka dan juga temubual informal iaitu melalui panggilan telefon. Seorang ahli Dabus telah ditemubual secara bersemuka manakala 9 orang lagi telah ditemubual secara informal iaitu panggilan telefon berikutan kawasan rumah yang jauh dan keadaan kes Covid-19 yang tidak mengizinkan pengkaji untuk bergerak jauh. Penggunaan alat perakam suara merekod segala butir bersama individu yang

ditemubual. Ia dimainkan semula semasa membuat laporan kajian supaya tidak terdapat maklumat yang tertinggal. Nota lapangan digunakan bagi mencatat segala maklumat berkaitan dinyatakan oleh responden yang ditemubual. Ia perlu sekiranya bagi mencatat nota atau maklumat berkaitan.

3.3 Sumber Kajian

Pengkaji menggunakan kaedah pengumpulan data bagi mendapatkan maklumat berkaitan kajian. Terdapat dua kaedah yang digunakan iaitu data primer dan data sekunder.

3.3.1 Data Primer

Data primer merupakan data yang diperolehi daripada individu hasil daripada temubual yang dilakukan oleh pengkaji (Umar, 2013). Menurut Sugiyono, (2018) data primer adalah data yang memberikan maklumat terus kepada pengkaji yang mengumpul data. Ianya dikumpulkan secara khusus oleh pengkaji bagi menjawab perkara berkaitan kajian mereka.

Yusoff (2003) menyatakan data primer merupakan data yang utama dikumpul bagi menjawab persoalan. Ia merujuk kepada data yang tidak dijelaskan dalam internet ataupun dokumen. Data primer merupakan hasil temubual yang asli tidak mempunyai maklumat tokok tambah lain seperti dalam internet (Idrianto et.al 2013).

Kaedah pemerhatian digunakan pengkaji bagi mendapatkan maklumat secara umum mengenai tarian Dabus di Kampung Gajah. Kaedah temubual terhadap responden tertentu telah dilakukan bagi mendapatkan jawapan kukuh bagi persoalan kajian yang dikemukakan dalam projek penyelidikan ini.

3.3.2 Data Sekunder

Data sekunder merupakan data yang telah dikumpulkan dan diolah oleh penyelidik terdahulu. Pengkaji dapat mencari pelbagai maklumat data ini menerusi pelbagai tajuk yang berkaitan kajian (Kuncoro, 2009). Menurut Sanusi, (2012) data sekunder adalah data yang sudah ada disediakan dengan maklumat sah oleh pengkaji terdahulu. Ianya adalah buku-buku, laporan, artikel, jurnal dan laman web rasmi jabatan kerajaan.

3.4 Pensampelan Kajian

Pensampelan adalah suatu kaedah mengumpul data yang tidak bersifat menyeluruh dalam suatu populasi tetapi hanya mewakili sebahagian sahaja dari populasi. Menurut Sugiyono (2016) pensampelan adalah kaedah bagi menentukan responden yang diperlukan dalam penelitian. Pengkaji boleh melihat dan memilih responden yang paling sesuai mengikut tujuan kajiannya (Reinard, 2001). Teknik pensampelan mempunyai dua bahagian iaitu teknik pensampelan kebarangkalian dan teknik pensampelan bukan kebarangkalian.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pensampelan bukan kebarangkalian. Chua (2011) menyatakan pensampelan bukan kebarangkalian adalah terbahagi kepada tujuh iaitu secara kebetulan, bertujuan, kuota, bola salji, dimensional, kes kritikal dan variasi maksimum.

Dalam teknik ini, pengkaji memilih menggunakan dua teknik pensampelan kajian iaitu teknik pensampelan bertujuan dan teknik pensampelan bebola salji. Menurut Najib (1999) teknik pensampelan bertujuan adalah keadaan di mana pengkaji memilih satu responden bagi mendapatkan jumlah responden lain yang mewakili populasi. Teknik ini sangat popular digunakan bagi pendekatan kualitatif. Pengkaji menggunakan

teknik pensampelan bertujuan dengan memilih seorang responden iaitu khalifah atau ketua bagi kumpulan tarian Dabus di Kampong Gajah. Hal ini kerana beliau merupakan ahli Dabus yang mempunyai pengetahuan utama tentang tarian Dabus.

Tambahan, teknik pensampelan bebola salji turut digunakan dengan bagi mencari responden seterusnya yang sesuai berkaitan tarian Dabus. Rohana (2004) menjelaskan bahawa teknik bebola salji adalah mendapatkan jumlah sampel yang sedikit dahulu sebelum jumlah itu bertambah melalui maklumat yang diberi oleh responden utama. Ia seolah-olah proses seketul bola salji yang bergolek dari atas bukit dan menjadi besar apabila sampai ke bawah, maka ia disebut sebagai '*snowball sampling*'.

Pengkaji telah mencari beberapa responden daripada ahli Dabus dari kalangan golongan muda yang dinyatakan oleh ketua kumpulan sebagai *gatekeeper* untuk ditemubual. Sampel kajian telah dibahagikan mengikut latar belakang pekerjaan dan usia responden. Berikut adalah jadual 3.1 mengenai informan kajian :

Jadual 3.1 : Informan Kajian

Kod	Pekerjaan Utama	Anggaran Umur
Informan 1	Bekerja sendiri	36 tahun
Informan 2	Peniaga pokok bunga	60 tahun
Informan 3	Peladang	55 tahun
Informan 4	Peniaga pasar	26 tahun
Informan 5	Surirumah	38 tahun
Informan 6	Bekerja sendiri	68 tahun
Informan 7	Bekerja sendiri	67 tahun
Informan 8	Bekerja sendiri	50 tahun
Informan 9	Guru sekolah	32 tahun
Informan 10	Pekerja TNB	56 tahun

Tujuan mencari responden melalui *gatekeeper* untuk memenuhi ketiga-tiga objektif kajian dalam penyelidikan ini. Pertama, pengkaji ingin mengenalpasti faktor penglibatan golongan muda dalam tarian Dabus ini. Bagi objektif kedua, pengkaji ingin mendapatkan maklumat tentang kesan pandemik kepada penglibatan golongan muda dalam tarian Dabus. Terakhir adalah mengenai mekanisma yang relevan dalam usaha melestarikan tarian Dabus di Kampong Gajah, Perak.

3.5 Kaedah Analisis Data

Analisis data adalah satu proses dengan mengumpul data dari instrumen yang dipilih pengkaji. Teknik ini digunakan bagi membuatkan sesuatu maklumat yang diterima boleh difahami, diolah sehingga dapat dirumuskan dalam kesimpulan (Purbowati, 2020). Menurut Sugiyono (2016) analisis data adalah hasil gabungan maklumat yang dikumpul secara langsung daripada responden dan data lain. Data yang dianalisis hasil dari penelitian lapangan dan kepustakaan itu akan menjadi mudah difahami kerana telah dibahagi mengikut kelompok data. Kaedah analisis data digunakan bagi memastikan maklumat yang dikumpulkan oleh pengkaji hasil daripada temubual bersama responden-responden terpilih dapat menjawab persoalan kajian serta dapat difahami semua.

Pengkaji menggunakan analisis tematik bagi kaedah kualitatif dalam kajian tarian Dabus di Kampong Gajah. Menurut Braun (2006) analisis tematik adalah cara bagi menganalisis data dengan tujuan untuk mengenalpasti pola atau menentukan tema melalui data yang dikumpulkan pengkaji. Ia merupakan metod yang berkesan apabila sebuah kajian menggunakan kaedah kualitatif diolah secara terperinci dan dapat dijelaskan sejauhmana fenomena terjadi melalui penelitian oleh pengkaji (Fereday, 2006).

3.5.1 Analisis Tematik

Analisis tematik merupakan kaedah untuk mengenalpasti, menganalisis dan mencari tema yang didapati daripada hasil kajian (Braun et.al. 2006). Terdapat lima susunan dalam analisis tematik. Pertama adalah penyusunan data dan kedua adalah penyusunan kod. Ketiga adalah membina tema hasil daripada proses transkrib. Keempat adalah menyusun tema. Proses analisis tematik yang terakhir adalah membuat laporan hasil daripada dapatan kajian yang dibahagikan mengikut tema.

Pertama, pengkaji membuat proses transkripsi data yang dikumpulkan hasil daripada kaedah kualitatif. Data utama yang akan dilihat adalah temubual bersama responden-responden berkaitan topik kajian. Data yang diterima melalui penggunaan audio juga akan melalui proses transkripsi. Transkripsi adalah suatu bentuk pertukaran perbualan menjadi teks (Kridalaksana, 2001). Oleh itu, maklumat yang diterima perlu disusun agar penyusunan data kajian dapat dilakukan mengikut urutan topik.

TRANSKRIP TEMUBUAL RESPONDEN 1 HINGGA 10	
<p>Tajuk : KAJIAN MENGENAI PELESTARIAN TARIAN DABUS SEMASA ERA COVID-19 DALAM KALANGAN GOLONGAN MUDA DI KAMPONG GAJAH, PERAK.</p> <p>Responden 1 - Enck Rosnan Tarikh temubual : 5/10/2021 Tempoh masa : 2jam 30 minit Lokasi : Di rumah Enck Rosnan</p>	
A	Assalamualaikum enck. Maaf mengganggu. Saya datang rumah enck ni nak bertanya mengenai Dabus. Boleh ke enck ceritakan sedikit mengenai Dabus?
B	Waahhassalam. Tazee. Boleh jer kanye. Dia dalam kumpulan dabus ni yang terakhir mengurusk kumpulan Dabus arwah pakcik Nawarudin. Bina orang panggil dia Pak Jantan. Pak Nasir ler. Jadi dia yang mengurusk kumpulan Dabus sebelum ni lah. Setapas arwah jauh sakti dan meninggal, jadi untuk kumpulan Dabus yang ada tidak diuruskan selagi. Jadi untuk satu-satu program macam temuramah, persembahan, rakaman dia tak boleh diuruskan selagi-selagi.
A	Kiranya siapa yang mengurusk Dabus selagi itu?
B	Okey. Kiranya selepas arwah Pak Nasir atau Pak Jantan ni meninggal, jadi kami ni mememua beberapa jemputan rakaman <u>atau persembahan</u> . Jadi kami bukan memuat sebaliknya kami memohon jemputan untuk satu-satu program tu. Untuk di dalam kumpulan Dabus yang sebelum itu, kami buat satu perjumpaan yang tak terlalu serius untuk tahu ada tak bahawa kumpulan Dabus ni secara automatik kita ingatkan atau kita bawak hadapan untuk diturakan. Kalau diturakan maka ada satu orang yang kita boleh bawakan untuk mengurusk setiap satu-satu pertanyaan. Jadi dalam kalangan ahli memang minat saya sebagai wakil. Saya kalau itu tak pernah mengangap diri saya sebagai ketua kumpulan. Lagi untuk mewakili ahli kumpulan maka saya bawakan untuk pengurusan tu daripada awal hingga akhir. Contohnya persembahan, rakaman, temubual dan sebagainya.
A	Jadi di sini saya nampak peranan enck sebagai ini adalah sebagai wakil utama untuk kumpulan Dabus kalau ada apa-apa urusan kan? Kiranya kalau untuk diuruskan sebagai ketua

SITI HAJAR BT BA...
 Sejarah perjumpaan Dabus Tanjung Bidara

AWR
 Jemputan/jemputaan persembahan

1. Iktida
2. Rakaman (Tolovision, Radio)
3. Badan badan warisan (PEN) - persembahan
4. Kandung

SITI HAJAR BT BA...
 Sejarah perjumpaan Dabus Tanjung Bidara

AWR
 Pengurusan Kumpulan Dabus

1. Mengurusk ahli
2. Mengurusk persembahan
3. Mengurusk rakaman
4. Mengurusk jettend interview
5. Penulisan Pakatan
6. Wakil Lantikan
7. Perubuhan kumpulan secara rasmi

Jadual 3.2 : Transkrib temubual bersama responden

Kedua, pengkaji menjumpai beberapa perkataan sama yang disebut oleh responden semasa temubual melalui rakaman suara. Jadi pengkaji telah menulis semula perkataan tersebut bagi mencari idea untuk kajian ini. Kesemua kod perkataan yang telah dikenalpasti ini disusun mengikut kategori.

Sebuah tema boleh ditentukan melalui kajian literatur atau triangulasi. Dengan adanya penambahan maklumat dalam kajian literatur, pengkaji akan dapat menentukan tema yang sesuai untuk kajian ini. Dalam kajian ini, pengkaji mengasingkan tema kajian untuk mencari maklumat tentang tarian Dabus dan juga penglibatan golongan muda dalam tarian Dabus di Kampong Gajah, Perak.

Setelah tema dihasilkan dan disusun mengikut kategori, pengkaji akan melihat semula susunan tema. Susunan tema ini perlu supaya laporan yang disediakan mengikut urutan dapatan kajian.

Setelah susunan tema siap mengikut urutan, pengkaji membuat laporan lengkap mengenai dapatan kajian penuh yang berada pada bab 4. Penghasilan laporan yang teliti perlu kerana ia memudahkan pengkaji untuk memahami kajian yang dibuat.

3.6 Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, bab tiga ini membincangkan mengenai pembahagian kaedah kajian yang digunakan dalam kajian. Tambahan, dalam kajian ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif. Dengan menggunakan pendekatan kajian kualitatif ini, pengkaji akan dapat mencari responden serta mendapatkan maklumat tambahan daripada mereka mengenai persoalan kajian dalam tarian Dabus di Kampong Gajah. Seterusnya dalam metodologi kajian ini mempunyai analisis data. Ia bertujuan bagi mendapatkan perbezaan dan persamaan maklumat kajian.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.0 Pengenalan

Bab Empat membincangkan mengenai dapatan kajian yang diperolehi daripada kajian lapangan. Data kajian ini diperolehi menggunakan kaedah kualitatif iaitu pemerhatian secara terus dan temubual secara mendalam. Pengkaji turut menggunakan dua teknik persampelan kajian iaitu teknik persampelan bertujuan dan teknik persampelan bebola salji bagi mendapatkan responden yang berkaitan kajian.

Terdapat enam tema utama yang ada dalam dapatan kajian ini. Tema pertama adalah elemen-elemen penting dalam Dabus. Kedua adalah tentang perspektif masyarakat terhadap tarian Dabus. Ketiga adalah penglibatan golongan muda dalam Dabus. Seterusnya adalah cabaran yang dihadapi semasa pandemik. Tema kelima adalah langkah yang relevan untuk melestarikan tarian Dabus. Terakhir adalah kesan pandemik terhadap tarian Dabus.

4.1 Elemen Penting Dalam Dabus

Terdapat lapan elemen penting dalam tarian Dabus yang diperolehi hasil daripada temubual bersama sepuluh orang informan berkaitan seni persembahan tradisional ini. Elemen pertama adalah bilangan ahli yang terlibat dalam Dabus. Kedua adalah peranan ahli Dabus mengikut gender. Seterusnya mengenai pemakaian ahli Dabus mengikut gender. Elemen keempat adalah kekerapan latihan kumpulan Dabus. Kelima adalah mengenai lokasi latihan. Elemen keenam adalah mengenai anak Dabus. Kemudian elemen dalam Dabus adalah tentang pantang larang alat muzik Dabus. Elemen yang terakhir adalah jemputan atau permintaan persembahan Dabus.

4.1.1 Ahli Yang Terlibat

Menurut data kajian, terdapat kira-kira sepuluh orang ahli tetap pertubuhan Dabus yang masih terlibat dengan kumpulan tarian tradisional ini. Walaubagaimanapun masih terdapat golongan muda yang berminat untuk menyertai pertubuhan Dabus ini. Menurut informan 2, terdapat tiga hingga empat generasi muda yang sudi mengikuti latihan Dabus ini. Beliau menyatakan ahli baru tersebut terdiri daripada tiga orang lelaki dan seorang perempuan. Ahli baru yang terlibat ini merupakan individu yang sudah mempunyai asas mengenai tarian Dabus. Mereka diserap masuk kedalam kumpulan Dabus ini sebagai golongan muda melalui orang dalam.

Sekarang ada baru masuk budak laki 3 orang perempuan sorang. Itu melalui orang dalam. Anak deme [mereka], kawan anak deme[mereka]. Macam yang perempuan tu anak sedara awak [saya] ler. Kira dia tu ade asas dh. Jadi mudah ler nak ajo deme [mereka]. Yang lagi 3 orang laki tu bawak masuk dari Felcra Nasarudin ikut tu orang yang main alat muzik. (Informan 2, Temubual, 27 Oktober 2021).

4.1.2 Peranan Ahli Dabus Mengikut Gender

Satriani (2018) menyatakan bahawa kehidupan sosial masyarakat mempunyai saling kaitan antara satu sistem dengan sistem yang lain. Ia dapat dilihat melalui sistem lingkungan dan unsur kebudayaan. Masyarakat mempunyai pelbagai fungsi yang saling berkaitan. Menurut ahli Dabus samada lelaki atau wanita mempunyai peranan yang sama dalam kumpulan. Jika wanita boleh menari, maka mereka juga boleh memainkan alat muzik. Peranan ini sama juga dengan ahli lelaki yang boleh memainkan alat muzik, mereka juga perlu tahu cara menari Dabus. Informan 1 menyatakan dimana :

Terpulang kepada kumpulan itu. Macam Dabus ini kami ada penari lelaki sahaja, penari perempuan, penari lelaki perempuan. Kita ikut situasi dan permintaan pihak rakaman. Tengok kepada sesuatu persembahan atau rakaman. Kalau dia nak perempuan, perempuan sahajalah menari. Kalau lelaki, lelaki sahajalah menari (Informan 1, Temubual, 5 Oktober 2021).

A) Peranan Lelaki

Peranan ahli lelaki dalam Dabus adalah bermain alat muzik. Jika dilihat, setiap kumpulan tradisional kebiasaannya pemain alat muzik didominasi oleh golongan lelaki. Masyarakat menganggap bahawa orang lelaki lebih layak untuk bermain alat muzik seperti gong dan gendang kerana ia memerlukan tenaga yang kuat untuk memukulnya bagi mengeluarkan bunyi.

Macam contoh pakcik harini main gendang, lepas tu esoknye pemain gong tak dapat datang, pakcik ler ganti dia. Kadang tu pakcik ajo [ajar] budak-budak yang baru masuk ni cara nak ketuk alat muzik tu ikut rentak ghoper [macam] mane [mana] (Informan 6, Temubual, 4 November 2021).

Selain itu, kaum lelaki juga berperanan sebagai penari dalam kumpulan Dabus. Kebiasaannya lelaki mengambil peranan sebagai penari Dabus atas permintaan pihak rakaman ataupun kerana kekurangan penari. Peranan lelaki sebagai penari turut disebut oleh informan 4 semasa termubual bersama dalam telefon.

Kebanyakannya lelaki berperanan sebagai pemain alat muzik samada pemukul gendang atau pun gong. Tapi pemukul gong hanya seorang sajalah. Penari bukan sahaja sebagai penari tapi mereka juga ada ilmu mengenai cara bermain alatan muzik (Informan 4, Temubual, 30 Oktober 2021).

Kaum lelaki juga memegang peranan sebagai penyanyi secara beramai-ramai dalam kumpulan. Dalam kumpulan Dabus, lagu yang dinyanyikan mempunyai dua pembahagian iaitu bernyanyi secara beramai dan kemudian diikuti oleh penyanyi solo. Lagu yang dinyanyikan ahli Dabus adalah secara berselang seli sehingga habis.

Mat Pendek [ahli Dabus] yang duduk dekat Felcra Nasarudin tu yang menjadi penyanyi solo. Selebihnya lagu beramai-ramai tu semua ikut sekali. Sebab Dabus tu kan ada lagu guna solo dan beramai-ramai (Informan 2, Temubual, 27 Oktober 2021).

Seterusnya, lelaki juga berperanan untuk melatih ahli baru masuk ke dalam kumpulan Dabus ini. Ahli yang baru diserap masuk kumpulan Dabus akan diajar mengikut arahan. Mereka diajar tentang cara menggunakan alat muzik Dabus mengikut rentak lagu. Menurut informan 6, setiap ketukan alat muzik memerlukan kefahaman tinggi kerana ia melatih diri tentang asas kemahiran mendengar.

....pakcik ajo [ajar] budak-budak yang baru masuk ni cara nak ketuk alat muzik tu ikut rentak ghoper [macam] mane...benda kene belajo [belajar] bukan main ketuk je. Betul kan kalau fikir dek logik, takkan ler ilmu tu main datang je kan. (Informan 6, Temubual, 4 November 2021).

Ahli lelaki juga berperanan melatih ahli baru untuk menghafal dan menyanyi lagu Dabus. Menghafal lirik lagu Dabus adalah penting kerana ia merupakan irama lagu yang digunakan untuk persembahan tarian tersebut. Hal ini kerana, tanpa lirik lagu tidak akan meriah suasana sesuatu persembahan tersebut.

Tambahan, lelaki juga berperanan sebagai ketua kumpulan. Menurut Damhuri et.al (2013) lelaki berperanan sebagai pemimpin dalam sebuah kumpulan. Hal ini kerana, tenaga lelaki dalam kehidupan seharian, bermasyarakat dan berkeluarga membuatkan mereka terpilih sebagai ketua. Tanpa ketua sesebuah organisasi itu akan sedikit goyah. Menurut informan 5, ketua merupakan orang yang paling penting dalam menguruskan sesuatu perkara. Ketua juga merupakan orang penting menentukan sesuatu dalam perbincangan sekiranya terdapat masalah sesama ahli kumpulan. Tambahan, ketua merupakan insan yang berpengetahuan mengenai teknologi dan internet bagi tujuan mempromosi Dabus. Soal bayaran setelah melakukan persembahan juga diuruskan oleh ketua.

Kami semua ahli kumpulan serahkan bulat-bulat dekat Nan [ketua kumpulan Dabus]. Dia yang banyak uruskan aktiviti kumpulan Dabus. Dari segi orang nak temubual sampei [sampai] ler nak rekod atau buat

rakaman Dabus memang dia sorg aje ler yang mahir uruskan. Acik ni udah [sudah] tua, agak lambat nak nerima [terima] nak paham pasei [pasal] IT ni dik. Kami ahli tua-tua ni mengharap dekat Nan tu aje kalau pasei [pasal] nak sebar video rakaman baru atau lamer [lama]... Bayaran kalau untuk iv ke ape, Nan juga yang nguruskan. Kami sebagai ahli atau anak buah dia ni, cume [hanya] ngikut [ikut] arahan dia jer (Informan 5, Temubual, 2 November 2021).

Kemudian, lelaki yang berperanan sebagai khalifah akan mendapat peranan sebagai penyanyi solo dalam kumpulan Dabus. Peranan khalifah sangat penting kerana ia merupakan penyanyi solo yang utama dan diikuti nyanyi beramai-ramai bersama ahli lain.

Seperti yang diketahui, ketua berperanan untuk membuat satu sesi perbincangan sesama ahli kumpulan. Informan 7 menyebut ianya bertujuan bagi mengelakkan berlakunya salah faham sesama ahli kumpulan. Ketua yang bijak adalah ketua yang mampu menyusun atur jadual latihan atau persembahan ahli kumpulan. Ketua juga mampu untuk menyelesaikan masalah sekiranya ahli kumpulan mempunyai masalah.

Kalo contoh ade orang panggil untuk buat rakaman atau temubual, nanti dia bagitahu awal. Biar kami mudah buat persiapan awal. Lepastu nanti dia ler bincang dengan ahli kumpulan pasal pakaian yang nak pakai untuk tarian tu. (Informan 7, Temubual, 7 November 2021).

Selain daripada itu, informan 1 ada menyebut ketua juga memegang peranan sebagai individu utama yang membaca doa sebelum dan selepas tarian Dabus. Tujuan membaca doa adalah bagi memohon perlindungan terhadap ahli kumpulan daripada terkena sebarang masalah semasa mempersembahkan tarian Dabus ini. Menurut informan 1, *'...sebelum dan selepas tarian Dabus ni, ketua atau khalifah akan baca doa ayat-ayat quran untuk orang kata bagi hilang sakit semasa dan selepas cucuk anak Dabus tu* (Temubual, 5 Oktober 2021).

Ketua juga merupakan individu yang menguruskan bab pakaian bagi kegunaan ahli kumpulan semasa persembahan. Menurut informan 1, dalam kumpulan Dabus, ketua akan bertanya dahulu kepada pihak jemputan jenis pakaian apa yang perlu dipakai oleh mereka. Ia bertujuan bagi memudahkan kerja ketua mencari pakaian yang sesuai mengikut protokol majlis jemputan tersebut. Informan 1 menyatakan beliau menyediakan sendiri pakaian untuk persembahan Dabus menggunakan modalnya sendiri dimana, *'Ada lebih kurang 7-8 set baju yang saya buat. Saya buat pakai modal sendiri. Mula tu tak buat untuk kumpulan Dabus pun. Tapi untuk dipakai sewa. Sekarang je buat untuk kumpulan Dabus'* (Temubual, 5 Oktober 2021).

B) Peranan Wanita

Menurut Jelly et.al (2019) wanita merupakan ikon atau tulang belakang yang sangat kukuh dalam sesebuah institusi seperti institusi keluarga. Peranan penting golongan wanita juga dapat dilihat dalam kumpulan Dabus ini. Kaum wanita biasanya diberi peranan sebagai penari. Hal ini kerana, wanita merupakan insan yang dilihat penuh kesopanan. Jadi wanita

berperanan sebagai penari-penari dalam tarian Dabus ini. Informan 2 menyatakan bahawa beliau memegang peranan sebagai penari utama kerana beliau merupakan ahli paling lama dalam kumpulan Dabus. Menurut informan 2, *'Makcik kalau dalam Dabus ni sebagai penari. Penari perempuan paling tua dalam kumpulan tu.'* (Informan 2, Temubual, 27 Oktober 2021)

Selain itu, kaum wanita juga berperanan dalam Dabus sebagai pemain alat muzik. Menurut informan 2, wanita bukan terhad kepada penari namun juga dilatih sebagai pemain alat muzik Dabus. Sesi latihan Dabus sangat mementingkan kemahiran yang lebih daripada satu, kerana ia akan memudahkan kerja berkumpulan. Informan 2 menyatakan bahawa *'Macam makcik sebagai penari, tapi bila ada waktu deme [mereka] nak penari lelaki, makcik jadi tukang pukul gendang pulak. Gendang kan boleh guna 5-6 orang. Gong satu orang. Kiranya peranan kami tak terhad kepada sesuatu kemahiran.'* (Temubual, 27 Oktober 2021).

Informan 5 turut menyokong kenyataan bahawa golongan wanita dalam kumpulan Dabus diberi pelbagai peranan dimana :

Tapi dalam Dabus Tanjung Bidara ni, tugasnye kalo [kalau] penari bukan penari saje tapi kami [ahli Dabus] dilatih untuk main alat muzik macam ketuk gong takpun gendang. Ahli kumpulan kami bukan saje suke suke [suka-suka] tuko [tukar] tugas, tapi dia mudahkan kami nanti contoh si A [ahli Dabus] tak dapat datang latihan, jadinya makcik ler yang tolong ganti si A [ahli Dabus]. Senang kate kan ahli Dabus ni boleh buat banyak bende [peranan] dari segi nyanyian, muzik dengan menari (Informan 5, Temubual, 2 November 2021).

Kemudian, wanita berperanan sebagai tenaga pelatih bagi ahli baru. Menurut Jelly et.al (2019), wanita merupakan contoh atau *role model* kepada anak-anak. Hal ini kerana, kebanyakan wanita bukan sahaja menggalas tugas sebagai ibu yang menguruskan hal anakanak di rumah, malahan mereka turut membuat pelbagai pekerjaan seperti lelaki. Dalam kumpulan Dabus ahli yang baru menyertai kumpulan ini akan dilatih daripada asas sehingga menjadi bagus tentang tarian tradisional ini. Menurut informan 2, beliau merupakan individu yang melatih ahli baru masuk dalam kumpulan Dabus itu. Informan 2 menyatakan '*...Makcik ni kira orang yang melatih orang baru masuk Dabus.*' (Temubual, 27 Oktober 2021).

4.1.3 Pemakaian Ahli Dabus Mengikut Gender

Terdapat empat pecahan pemilihan pakaian ahli Dabus mengikut gender. Pecahan ini dilakukan bagi memudahkan pengkaji untuk melihat perbezaan yang terdapat dalam kaedah pemakaian ahli Dabus ini.

Menurut informan 1, terdapat sedikit perbezaan pemilihan pakaian bagi ahli Dabus pada zaman dahulu sehingga kumpulan ini diambil alih oleh beliau. Pakaian yang dipakai juga mengikut situasi atau permintaan majlis tersebut.

Biasa baju sebelum ni takde baju jenis silat...ada baju Melayu dan baju batik. Itu semasa ada arwah [Encik Nasiruddin]. Jadi sesuai dengan seluar...Baju dan seluar tu kena seragam. Tapi bila saya sambung, saya akan bawa satu-satu pemakaian kostum Dabus kepada titik sejarah awal permulaan Dabus. Kita tahu konsep Dabus adalah kepahlawanan...Jadi

saya lebih kepada baju silat sebab dia Dabus ni satu-satunya persembahan yang berani. (Informan 1, Temubual, 5 Oktober 2021).

a) Jenis dan Warna Pakaian Ahli Dabus Lelaki

Nama pakaian bagi ahli Dabus lelaki adalah Busana Lelaki Perak. Pakaian ini merupakan pakaian warisan rakyat negeri Perak. Jika dilihat ia hampir menyerupai baju Melayu atau baju silat. Bagi pemilihan warna pula sangat mudah kerana kaum lelaki tidak banyak merungut. Jadi ketua, memilih terus pakaian berwarna hitam. Busana Lelaki Perak ini berunsurkan kepahlawanan dan sangat sesuai digunakan oleh ahli Dabus lelaki.

b) Jenis dan Warna Pakaian Ahli Dabus Wanita

Nama pakaian ahli Dabus wanita adalah Busana Puteri Perak. Busana ini memperlihatkan ciri seperti seorang pahlawan kerana pakaian tersebut bukanlah seperti baju kurung. Busana Puteri Perak merupakan pakaian yang menyerupai baju silat kerana kain digantikan dengan seluar, tetapi ia masih lagi mengekalkan ciri kewanitaan.

Pakaian bagi ahli wanita tidak dicirikan khas iaitu mereka bebas untuk memilih warna yang disukai. Mereka juga boleh memilih untuk memakai warna yang seragam seperti lelaki iaitu hitam.

c) Proses Pemilihan Pakaian Ahli Dabus Lelaki

Proses pemilihan pakaian bagi ahli Dabus adalah sangat mudah. Hal ini kerana pakaian mereka secara terus ditentukan oleh ketua kumpulan. Menurut informan 1, *'Lelaki, dari khalifah, penari lelaki dan pemain muzik saya sendiri*

akan tetapkan apa pakaian mereka kena pakai. Biasanya orang lelaki semua pakaian warna hitam, perempuan bebas tapi boleh ikut jugak warna pakaian lelaki.’ (Temubual, 5 Oktober 2021).

d) **Proses Pemilihan Pakaian Ahli Dabus Wanita**

Bagi proses pemilihan pakaian untuk ahli Dabus wanita, mereka mendapat kelonggaran daripada ketua. Ketua kumpulan Dabus membenarkan ahli wanita memilih sendiri pakaian apa yang akan dipakai oleh mereka. Kebiasaannya mereka akan diberi pilihan untuk memilih warna yang disukai. Apa yang paling penting, warna pakaian yang dipilih mereka perlu seragam antara satu sama lain. Menurut informan 1, ahli Dabus wanita dibenarkan untuk memilih pakaian kesukaan mereka dimana :

Macam perempuan, kalau deme minat baju berwarna, deme [mereka] akan pilih dan bincang sesama sendiri. Kalau mereka nak warna pink, seragam pakaian penari semua pink. Kalau macam deme [mereka] pilih 4 warna, jadi bila deme [mereka] bincang hanya akan pilih satu mana warna yang seragam sesama penari. Saya bagi kebebasan dekat penari wanita supaya mudah janji seragam kalau ada 4 penari. (Informan 1, Temubual, 5 Oktober 2021)

Perkara ini turut disokong oleh informan 2 dimana :

Biasanya perempuan yang banyak jadi penari, jadinya pakaian tu kami yang tentukan sendiri. Ahli penari akan bincang dulu dengan makcik kitorang bincang...elok-elok nak pilih baju kaler [warna] ape. Bincang ni mudah bagi nak elak ade yang tak pueh [puas] hati ke ape kan. Tapi kalau kami nak ikut warna macam pakaian lelaki, boleh aje [saja] takde masalah. (Informan 2, Temubual, 27 Oktober 2021).

4.1.4 Kekerapan Latihan

Hasil temubual mendapat bahawa latihan Dabus dilakukan pada waktu hujung minggu. Hal ini kerana kebanyakan ahli kumpulan tersebut mempunyai urusan lain untuk dilakukan pada hari biasa. Kebiasaannya latihan Dabus diadakan pada waktu malam iaitu selepas waktu Isyak. Waktu hujung minggu seperti Sabtu dan Ahad merupakan hari cuti bagi orang yang bekerja, jadi ia memudahkan urusan latihan Dabus dilakukan.

Latihan Dabus ini dilakukan kira-kira satu jam ataupun satu jam tiga puluh minit. Ianya mengikut situasi dan keadaan cuaca sekitar semasa menjalankan latihan Dabus. Terdapat juga ahli lain menyatakan bahawa waktu latihan mereka tidak menentu. Hal ini kerana terdapat segelintir ahli kumpulan terpaksa pulang awal kerumah kerana tinggal di daerah lain.

4.1.5 Lokasi Latihan

Sebelum pandemik terjadi, latihan Dabus biasanya dibuat di dewan serbaguna orang ramai. Hal ini kerana, ia mempunyai kelengkapan yang sesuai untuk melakukan aktiviti tarian. Tambahan, keselamatan ahli Dabus akan lebih terjamin kerana dewan merupakan kawasan yang lapang dan tertutup untuk membuat latihan.

Namun semasa pandemik ini, mereka membuat latihan di rumah wakil ketua Dabus. Hal ini kerana, semasa pandemik agak sukar untuk kumpulan itu mendapatkan kebenaran dari penghulu untuk menggunakan dewan serbaguna. Menurut informan 1, terdapat banyak prosedur yang perlu diisi sebelum menggunakan dewan. Jadi mereka membuat sedikit perubahan lokasi latihan iaitu dilaman hadapan rumah informan 1 sendiri.

Kadang kala kami buat latihan di kawasan dewan orang ramai sebelah masjid di kawasan ini juga. Penggunaan dewan sebelum covid sangat mudah, namun sekarang agak susah sebab banyak urusan surat menyurat. Jadi semasa covid ni, kami rancang buat latihan di kawasan laman rumah saya sahaja. (Informan 1, Temubual, 5 Oktober 2021).

Menurut informan 3, semasa pandemik ini mereka hanya membuat latihan dihalaman rumah informan 1. Hal ini kerana, bagi mengelakkan prosedur yang terlalu ketat untuk menggunakan dewan serbaguna dikampung mereka. Jadi terdapat alternatif baru yang dibuat oleh kumpulan tersebut dengan mengubah lokasi latihan kawasan rumah pula. Informan 3 menyatakan bahawa, '*Deme [Ahli Dabus] buat dekat rumah Nan [ketua Dabus] mudah sikit sebab kawasan rumah dia kan lapang. Jadi mudah nak susun pemain muzik, penari sambil buat latihan.*' (Informan 3, Temubual, 28 Oktober 2021).

4.1.6 Anak Dabus

Anak Dabus merupakan peralatan muzik yang paling utama dalam tarian Dabus. Menurut informan 1, ramai orang tidak mengetahui bahawa anak Dabus yang digunakan

dalam tarian ini dikategorikan sebagai alat muzik. Malahan terdapat segelintir individu menganggap itu adalah senjata yang digunakan dalam tarian Dabus kerana ia mempunyai hujung mata yang tajam. Beliau menyatakan bahawa anak Dabus ini adalah alat muzik kerana ia mempunyai loceng yang akan mengeluarkan bunyi apabila ia digoncang atau ditarikan oleh penari. Informan 1 menyatakan, '*Anak Dabus ni dalam kategori alat muzik walaupun dia senjata yang digunakan dalam tarian. Ia adalah salah satu alat kepada muzik...bila digoncang ia akan mengeluarkan bunyi.*' (Informan 1, Temubual, 5 Oktober 2021).

Selain itu, informan 1 turut menyatakan terdapat fungsi lain anak Dabus semasa zaman penjajahan dahulu. Menurut beliau, anak Dabus ini mempunyai saiz dan warna yang berbeza. Perbezaan bentuk dan warna ini digunakan oleh orang zaman dahulu sebagai kod rahsia untuk mengelakkan lokasi tempat tinggal mereka dikesan oleh pihak musuh. Keunikan anak Dabus ini adalah hanya orang-orang Melayu sahaja mengetahui dimana daerah pemilik anak Dabus ini tinggal dengan hanya melihat bentuk dan warna sahaja.

Anak Dabus ni pada zaman dahulu zaman penjajah deme [mereka] tak panggil ni Dabus daripada mana. Sebab nanti kanto bocor rahsia lah dengan penjajah. Deme [mereka] tahu kita asal daerah mana. Jadi orang kita [orang Melayu] banyak guna bahasa sulit waktu zaman penjajah. Contohnya macam ni, anak Dabus saiz besar ni warna kuning emas ada 4 telinga orang kita dah tahu dah tu asej [asal] dari mane [mana]. Dua tempat aje [saja] Bagan Datok atau Sitiawan. Kalau saiz sederhana warna kelabu perak 3 telinga ni Dabus Kampong Gajah...Dia

macam kod siri lah orang kate [kata]. Hanya orang kita [orang Melayu] je yang tahu.’ (Informan 1, Temubual, 5 Oktober 2021).

4.1.7 Pantang Larang Alat Muzik Tarian Dabus

Alat muzik merupakan instrumen yang sangat penting bagi menghidupkan suasana sesebuah persembahan samada tarian mahupun lakonan. Perkara ini sama seperti tarian Dabus yang memerlukan alat muzik bagi menghidupkan suasana tarian tersebut. Tarian Dabus menggunakan 3 jenis peralatan muzik yang dimainkan oleh penari dan juga pemain muzik. Menurut informan 1, ‘*Kalau Dabus guna 3 alat muzik. Gendang, Gong, dan anak Dabus.*’ (Temubual, 5 Oktober 2021).

Terdapat beberapa pantang larang semasa dan selepas menggunakan alat muzik tarian Dabus. Pantang larang pertama adalah alat muzik Dabus tidak boleh diletakkan merata tempat. Contohnya adalah anak Dabus. Menurut informan 1, ia tidak boleh diletak sesuka hati kerana risau akan diambil oleh orang lain. Beliau menyatakan bahawa anak Dabus ini mempunyai aura mistik yang dimana hanya penari dan ahli kumpulan sahaja boleh memegang dan menyimpannya. Jika ia disentuh atau disimpan oleh bukan orang sepatutnya, kemungkinan mereka akan ditimpa sedikit masalah. Perkara ini dinyatakan informan 1 dimana :

Semua alat muzik ada peraturan atau pantang larang. Contohnya anak Dabus ni. Dia [Anak Dabus] tidak boleh leka letak atas tangga atau bagi orang lain pegang. Contohnya tak boleh bagi anak Dabus kepada kawan perempuan yang datang haid ke apa...orang kata kalau orang tak boleh terima, takut terkena masalah kepada diri dia. Ia termasuk kepada peralatan muzik Dabus yang lain juga. (Informan 1, Temubual, 5 Oktober, 2021).

Perkara ini turut disokong oleh informan 2 dimana beliau menjelaskan :

Pantang dia [anak Dabus] tak boleh bagi orang yang tak berkaitan pegang anak Dabus ni. Sebab kite riso [risau] nanti takut benda [anak Dabus] tu tak serasi dengan dia ke. Bukan maksud ade hantu ke ape. Tapi ni kan barangan lama, jadi dia agak mistik sikit...' (Informan 2, Temubual, 27 Oktober 2021).

Menurut informan 1, jika dilihat dari sudut peraturan pula adalah kerana ingin mengelakkan individu yang tidak mahir dengan kaedah pengurusan alat muzik tercedera semasa memegang anak Dabus. Hal ini kerana, anak Dabus mempunyai hujung mata yang tajam. Jika tersilap cara menghulur, kemungkinan individu yang menerimanya akan tercucuk anak Dabus tersebut. Informan 2 turut menyatakan mata anak Dabus juga tidak boleh dicucuk kedalam tanah. Hal ini bertujuan bagi mengelakkan ia tumpul sehingga sukar digunakan untuk persembahan atau latihan akan datang. Informan 1 ada menyatakan mengenai anak Dabus dimana :

Sebenarnya anak Dabus ni kan tajam, jadi kita tak boleh bagi bahagian mata yang tajam ni kepada orang lain sebab mungkin nanti takut tercucuk orang tu. Anak Dabus juga tak boleh dipacak dalam tanah. Kita boleh tengok sebenarnya takda beza pun pantang larang dengan peraturan pada zaman sekarang. Sebenarnya ia bertujuan untuk memberitahu kita supaya lebih berhati-hati dalam menjaga keselamatan diri dan peralatan muzik je. (Informan 1, Temubual, 5 Oktober 2021).

Informan 2 turut menyokong kenyataan informan 1 dimana :

Pantang kedua jangan hulurkan anak mata Dabus dekat orang lain. Sebabnye nak elak orang yang dihulur anak Dabus tu luka. Kan mata anak Dabus tu tajam. Yang ketiga. jangan pacak atas tanah. Bukan ape, kita hormat barangan yang nak guna. Lagipun nak elak dia rosak takpun takut tumpul. (Informan 2, Temubual, 27 Oktober 2021).

Selain itu, terdapat pantang larang untuk dua lagi alat muzik iaitu gong dan gendang. Menurut informan 3, alat muzik ini juga tidak boleh diletakkan merata tempat kerana risau ia hilang diambil individu tidak bertanggungjawab ataupun rosak akibat dirosakkan oleh manusia. Penjagaan rapi sangat diperlukan terhadap alat muzik Dabus ini kerana usianya sudah melebihi puluhan tahun. Informan 3 ada menyatakan dimana :

Nak kate pantang larang tu sebenonyer [sebenarnya] kan lebih kepada peraturan. Cumanya kalau ikut bahasa orang dulu deme [mereka] cakap berkias-kias. Pantang tentang alat muzik ni sebenonyer [sebenarnya] kita tak boleh letak alat muzik ni merata tempat. Sebab ape? Sebabnyer nak elak dia hilang, pecah atau pun rosak. Iyerler [iya lah] alat muzik ni kan warisan turun temurun. Ater [Habistu] bukan mudah nak jaga barangan yang udoh [sudah] usia lame [lama] ni. Lagipun bende nak guna lama. (Informan 3, Temubual, 28 Oktober 2021)

4.1.8 Jemputan atau Permintaan Persembahan Dabus

Kumpulan Dabus ada menerima beberapa jemputan daripada pelbagai pihak untuk memeriahkan suasana majlis dengan seni persembahan ini. Kumpulan Dabus ada menerima jemputan daripada pihak istana untuk membuat persembahan Dabus bagi majlis istiadat diraja.

Selain itu, kumpulan Dabus turut menerima jemputan bagi sesi rakaman bersama syarikat televisyen. Kebiasaannya sesi rakaman melalui televisyen ini dilakukan di Kompleks Sejarah Pasir Salak. Ia bertujuan bagi mendapatkan latar belakang lokasi yang menarik kerana kawasan ini merupakan tempat bersejarah orang Melayu menentang penjajah zaman dahulu.

Seterusnya, terdapat juga jemputan daripada pihak JKKN Perak untuk sesi tembual dan rakaman persembahan Dabus. Rakaman yang dilakukan adalah bagi tujuan merekod dan menyimpannya didalam CD untuk dilihat pada masa akan datang. Hal ini kerana, kumpulan Dabus masa kini kekurangan ahli muda, jadi mereka perlu menyimpan bukti rakaman untuk dirujuk kembali bagi mengelakkan ianya lapuk dek zaman.

Tambahan, kumpulan Dabus juga menerima tempahan untuk slot hiburan semasa kenduri kahwin penduduk kampung. Tempahan yang diterima mereka kebiasaannya mempunyai bayaran tertentu yang ditetapkan oleh ketua kumpulan Dabus itu sendiri. Menurut informan 2, kebiasaannya mereka akan dibayar dalam ratusan ringgit bagi setiap ahli dalam kumpulan.

Setiap persembahan atau rakaman yang dibuat oleh kumpulan Dabus ini mempunyai bayaran tertentu. Ianya adalah bagi menghargai penat lelah penari dan pemain muzik yang telah menghiburkan masyarakat dengan seni Dabus itu sendiri.

Bayaran memang ade [ada]. Tak kiralah temubual biasa ataupun rakaman. Semua berbayar. Biasanya bayaran ni ketua yang tentukan bukannya makcik atau ahli lain. Minta maaf lah ye, nak bagitahu bayaran ni memang wajib ada biasanya makcik tahu dalam beratus jugak sekali satu sesi persembahan. Kadang ada pelajar datang rumah makcik tengok gambar, temubual semuanya deme [mereka] bayar dengan bagi saguhati dekat makcik. (Informan 2, Temubual, 27 Oktober 2021).

4.2 Perspektif Masyarakat Terhadap Tarian Dabus

Perspektif merupakan pandangan atau tanggapan seseorang terhadap sesuatu perkara yang dilihat oleh mereka. Contohnya adalah perspektif masyarakat terhadap tarian Dabus.

Perspektif pertama masyarakat mengenai tarian Dabus adalah sebagai identiti rakyat negeri Perak. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2017) identiti merujuk kepada sifat-sifat atau ciri pada seseorang yang menunjukkan adat resam atau kesenian. Seramai enam orang informan menyatakan Dabus adalah sebagai jati diri rakyat negeri Perak. Hal ini kerana, Dabus merupakan suatu kebanggaan yang perlu dimiliki oleh masyarakat terutamanya rakyat negeri Perak. Seperti yang diketahui Dabus merupakan tarian yang berunsurkan kepahlawanan kerana ia menggunakan perbuatan seperti mencederakan lengan dengan anak Dabus. Menurut informan 5, masyarakat di Perak perlu berbangga kerana tarian ini memerlukan insan mempunyai keyakinan dan keberanian yang tinggi. Informan 5 menyatakan bahawa :

Dabus ni makcik nengok [tengok] dia sebagai identiti kiter [kita] ni sebagai oghang [orang] Peghak [Perak]. Betul ler kan? Setiap negeri ader [ada] deme [mereka] punya warisan identiti tertentu, jadi kiter [kita] ni nak nengok [tengok] betul Peghoknyer [Perak nya] tu ler dengan Dabus... (Informan 5, Temubual, 2 November 2021).

Informan 9 turut menyatakan tarian Dabus merupakan identiti rakyat negeri Perak yang perlu dipertahankan dan diwarisi oleh generasi muda supaya tidak pupus begitu saja. Menurut informan 9, *'Dabus ni identiti rakyat Perak. Kena dipertahankan sebab dah beratus tahun dia dijaga oleh generasi ke generasi. Warisan yang sangat berharga. Jadi takkan nak biar dia [tarian Dabus] mati [pupus] macam tu...'* (Temubual, 10 November 2021).

Selain itu, Dabus dari perspektif masyarakat adalah sebagai hiburan. Menurut data temubual, Dabus merupakan satu bentuk hiburan kepada masyarakat negeri Perak. Persembahan tarian Dabus ini biasanya dimulakan pada waktu malam iaitu selepas waktu Isyak. Hal ini kerana, pada waktu malam merupakan masa berehat atau masa lapang penduduk daripada membuat sebarang pekerjaan. Tambahan, kebanyakan orang Melayu pada zaman dahulu tidak mempunyai teknologi seperti televisyen. Jadi, tarian Dabus merupakan hiburan utama pada masa itu. Ia merupakan seni persembahan yang kerap ditonton oleh masyarakat negeri Perak. Informan 5 menyatakan, *'Ha makcik nengok [tengok] Dabus kan fungsi dia [Dabus] sebagai hiburan orang kampung.'* (Temubual, 2 November 2021).

Seterusnya, perspektif masyarakat mengenai tarian Dabus adalah sebagai tarian warisan. Tarian merujuk kepada perbuatan atau pergerakan tubuh badan mengikut irama untuk mengungkapkan sesuatu perasaan (Jabatan Warisan Negara, 2020). Manakala

warisan merujuk kepada harta peninggalan atau harta yang diwariskan secara turun temurun (Kamus DBP, 2017). Tarian Dabus merupakan tarian warisan yang perlu dipertahankan oleh generasi kini sehingga generasi akan datang. Tarian Dabus merupakan tarian yang sudah berusia melebihi ratusan tahun. Maka wajarlah tarian ini dijaga sebaik mungkin untuk mengelakkan ianya dilupakan oleh generasi akan datang. Menurut informan 3, meskipun tarian Dabus ini dilihat sebagai hiburan di kampung, namun ia perlu dipertahankan supaya generasi akan datang berasa bangga melihat warisan nenek moyang mereka.

Deme [Mereka] kene sedo [sedar], yang kite [kita] ni perlu pertahankan warisan nenek moyang kite [kita],...kalau bukan kite [kita] sape [siapa] lagi nak pertahankan...zaman dulu Dabus cumer [cuma] hiburan kampung, ape [apa] salahnya kite [kita] angkat dia [tarian Dabus] balik jadikan satu kebanggaan warisan untuk anak cucu kiter [kita] mase depan.’ (Informan 3, Temubual, 28 Oktober 2021).

Kemudian, tarian Dabus berfungsi sebagai hiburan masyarakat dalam kenduri kahwin serta untuk hiburan dalam majlis istiadat diraja. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2017), hiburan bermaksud sesuatu perbuatan yang menghiburkan dan menyenangkan hati individu yang melihatnya. Tarian Dabus ini menarik kerana ia mempunyai elemen kepahlawanan yang menyerupai silat orang Melayu. Menurut informan 2, kebiasaanya hiburan kenduri kahwin bagi orang Melayu menyajikan persembahan seperti silat. Tetapi dengan adanya tarian Dabus, masyarakat negeri Perak mempunyai banyak pilihan untuk memilih persembahan apa yang diinginkan semasa membuat kenduri kahwin. Informan 2 menyatakan, *‘Fungsi Dabus ni sebagai*

hiburan...majlis rasmi, majlis kenduri kendara...kita [ahli Dabus] ikut tempahan orang lah. Kalau ade majlis dan dijemput, kita [ahli Dabus] pergi buat persembahan dekat majlis tu.' (Informan 2, Temubual, 27 Oktober 2021).

Informan 10 turut menyokong bahawa tarian Dabus berfungsi sebagai hiburan dalam upacara majlis istiadat diraja di negeri Perak atau jempunan majlis diraja negeri lain. Umum mengetahui bahawa majlis istiadat diraja memang menggunakan seni persembahan tradisional bagi mewujudkan suasana adat-adat orang Melayu terdahulu. Perkara ini juga merupakan salah satu warisan yang dijaga oleh pihak diraja bagi mengelakkan ianya mati begitu sahaja. Informan 10 menyatakan, *'Zaman dulu kan hiburan waktu malam untuk semua orang...sekarang hiburan khas untuk majlis kenduri-kendara, majlis keramaian, takpun majlis upacara diraja.'* (Temubual, 20 November 2021).

4.3 Penglibatan Dalam Dabus Di Kalangan Generasi Muda

Data yang diperoleh hasil temubual bersama 10 orang responden berkaitan penglibatan dalam Dabus di kalangan generasi muda adalah mengenai faktor penarik dan faktor penolak. Faktor penarik merujuk kepada perasaan seseorang untuk meminati perkara yang mereka sukai (Kamus Dewan, 2020). Faktor penolak pula merujuk kepada sesuatu yang mendorong seseorang daripada meminati sesebuah perkara (Kamus Dewan, 2020). Pertama adalah faktor yang menarik minat golongan muda dalam persembahan Dabus. Manakala kedua adalah faktor yang menghalang penglibatan golongan muda dalam persembahan Dabus.

4.3.1 Faktor Yang Menarik Minat Penglibatan Golongan Muda Dalam Persembahan Dabus

Golongan muda merupakan insan yang mudah tertarik dengan hiburan dalam seni persembahan. Sebagai contoh, semasa tahun 2018 terdapat satu konsert Permata Seni yang diadakan bagi menyerlahkan kehebatan bakat orang muda diperingkat antarabangsa. Program ini merupakan pentas umum dimana golongan muda dapat menyerlahkan bakat mereka (Omar, 2018). Melalui program seperti ini telah banyak menarik minat golongan muda menyertai program pencarian bakat dalam seni persembahan.

Terdapat beberapa faktor yang menarik minat penglibatan golongan muda dalam Dabus yang diperolehi oleh pengkaji. Pertama, minat yang mendalam terhadap tarian tradisional telah menarik minat golongan muda untuk terlibat dengan Dabus. Menurut sembilan daripada sepuluh orang responden yang ditemubual menyatakan bahawa minat terhadap tarian tradisional telah mendorong penglibatan mereka. Kebanyakan golongan muda yang berminat menyertai tarian Dabus adalah kerana sejak kecil telah mengikuti ibu bapa mereka membuat latihan Dabus. Terdapat juga ahli Dabus yang membenarkan golongan muda untuk mencuba memainkan alat-alat muzik Dabus seperti gong dan rebana. Ia bertujuan bagi memupuk minat mereka untuk merasai pengalaman bermain alat muzik Dabus. Hal ini telah dinyatakan oleh Informan 3 seperti berikut :

...anak kampung kan duduk kampung lame [lama] nengok [tengok] apak [ayah] mak deme [mereka] yang terlibat dengan Dabus. Jadi deme [mereka] pun ngikut [terikut] sekali minat. Macam yang baru-baru latihan ni, ade [ada] apak [ayah] mak deme [mereka] bawak anak-anak sekali. Pakcik pun bagi ler budak-budak ni main ketuk-ketuk gong dan

rebana...bagi menarik minat deme [mereka] untuk meneruskan latihan Dabus ni.' (Informan 3, Temubual, 28 Oktober 2021).

Informan 4 juga ada menyebut pengalamannya sendiri bagaimana beliau boleh terlibat dalam kumpulan Dabus sejak dari usia muda. Beliau kerap mengikuti ayahnya pergi latihan Dabus, jadi ia telah menarik minatnya menyertai kumpulan Dabus. Tambahan pula, beliau mempunyai bakat terpendam tentang tarian tradisional dan tidak mahu mensia-siakannya.

Macam saya sendiri, saya kerap ikut ayah pergi latihan Dabus, jadi lama kelamaan saya turut jadi minat nak belajar tentang Dabus ni. Ayah saya pula sangat menyokong dengan minat saya ni. Jadi semuanya mudah untuk belajar Dabus ni dengan minat, ada bakat terpendam sedikit...kita asahkan lagi bakat tu dengan lebih mendalam kan.' (Informan 4, Temubual, 30 Oktober 2021).

Informan 5 turut menyatakan faktor yang sama tentang penglibatan golongan muda dalam tarian Dabus adalah kerana minat. Beliau menyatakan bahawa kebanyakan golongan muda yang terlibat adalah kerana kerap mengikuti ibu bapa mereka menjalani latihan Dabus dikampung itu.

Deme [mereka] masuk sebab minat...biler [bila] nengok [tengok] ayah deme [mereka] main Dabus, jadinya deme [mereka] minat ler...lelaki sorang tu masih sekolah lagi, apaknyer [ayahnya] suruh dia masuk aktif terus dalam Dabus ni bior [biar] mudah ganti apaknyer [ayahnya] nanti.

Dia pun ape lagi, masuk...sebab dah pernah wakil Dabus untuk kawasan kampung dia...untuk pertandingan. Tapi disebabkan dia dah ade pengalaman, dia pun cuba masuk dalam pertubuhan rasmi ni. (Informan 5, Temubual, 2 November 2021).

Faktor kedua adalah melalui sokongan keluarga. Seramai lima orang responden menyatakan sokongan keluarga merupakan sebab golongan muda terlibat dalam Dabus. Golongan muda yang kerap mengikuti ahli keluarga atau ibu bapa mereka pergi ke latihan Dabus mula menunjukkan minat terhadap seni persembahan itu. Informan-informan yang ditemubual melalui panggilan telefon ada menyatakan bahawa golongan muda yang terlibat dengan Dabus digalakkan oleh ibu bapa mereka sendiri. Sebelum menyertai Dabus, sokongan keluarga merupakan perkara yang penting bagi memastikan golongan muda itu betul-betul mahu terlibat dengan Dabus ataupun tidak terlibat. Pernyataan ini turut disokong oleh Informan 2 di mana :

Haa kebanyakannya sebab keluarge deme [mereka] yang suruh masuk. Dia [mereka] kira macam dua pupu, sepupu, kakak sedare [saudara], mak sedare [saudara]. Jarang lah yang jauh-jauh nak masuk. Nak suruh deme [mereka] teruskan warisan seni Dabus ni. Sayang [rugi] kalo dibiarkan camtu....' (Informan 2, Temubual, 27 Oktober 2021).

Informan 7 ada menyebut bahawa golongan muda yang menyertai kumpulan Dabus adalah kerana sokongan daripada ahli keluarga. Hal ini kerana, keluarga mereka mahukan ada pewaris daripada anak-anak dalam tarian tradisional ini. Informan 7 menyatakan, '*Mungkin sebab mak ayah deme [mereka] suruh masuk Dabus...keluarge*

mane [mana] yang taknak anak deme [mereka] warisi tarian turun temurun ni kan.' (Temubual, 7 November 2021).

Seterusnya adalah golongan muda yang menyertai Dabus mempunyai bakat dalam seni persembahan. Bakat merujuk kepada individu atau seniman yang mempunyai kebolehan semulajadi dalam penulisan serta bidang seni yang lain (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017). Menurut informan 8, sesetengah daripada mereka mempunyai bakat tersembunyi dalam bidang tarian. Oleh kerana tidak mahu mensia-siakan bakat tersebut, mereka mulai menceburi bidang seni persembahan bagi mengasah bakat ini dengan lebih mendalam.

Mungkin sebab deme [mereka] minat, takpun sebab keluarde deme [mereka] nampak anak tu ade bakat jadi disuruh...masuk Dabus ni. Tapi yang pakcik nengok [tengok], kebanyakannyer lah kan sebab memang dah ade pengalaman macam seni tari asas. Jadi mudah nak ajor [ajar] deme [mereka]. (Informan 8, Temubual, 8 November 2021).

Selain dari bakat, tempat latihan berada berdekatan dengan rumah juga mendorong kepada golongan muda untuk terlibat dengan persembahan Dabus. Menurut informan 9, golongan muda yang menyertai Dabus ini adalah kerana mereka mempunyai rumah berdekatan tempat latihan Dabus. Jadi ia memudahkan golongan muda untuk bergerak datang latihan. Informan 9 menyatakan bahawa, '*Mereka rase ade bakat, jadi taknak sia-siakan bakat tu jadi dia masuk Dabus sebab ni tempat latihan tarian tradisional yang terdekat dengan rumah.*' (Informan 9, Temubual, 10 November 2021).

Tambahan, golongan muda yang terlibat dengan Dabus kebanyakannya sudah mempunyai pengalaman tersendiri dalam seni persembahan. Golongan muda yang telah mempunyai pengalaman terlibat dalam seni persembahan Dabus ini akan memudahkan urusan ahli lama dalam melatih ahli baru. Menurut informan 9, pengalaman beliau semasa muda juga merupakan salah satu faktor yang menarik minat golongan muda terlibat dengan tarian Dabus.

Macam pengalaman saya sendiri, saya minat main Dabus masa kecil sampai remaja...sebab tengok emak pergi latihan waktu malam...Jadi bila dah biasa tengok, kita pun terikut minat sekali dengan berlatih...zaman dulu takde hiburan macam gajet, jadinya saya pun orang kata ape tu ala macam mengisi masa lapang... (Informan 9, Temubual, 10 November 2021).

Faktor seterusnya adalah kerana mengikuti kawan. Terdapat juga golongan muda menyertai Dabus kerana diajak oleh kawan-kawan mereka sendiri. Rakan sebaya merupakan insan yang rapat dengan anak-anak sewaktu disekolah terutamanya yang mempunyai umur sama. Jadi apabila seseorang individu itu mempunyai rakan sebaya, mereka akan cuba mengikuti segala tindak tanduk rakan semasa melakukan sesuatu perkara. Menurut informan 5 dan 6, pengaruh rakan sebaya merupakan faktor golongan muda berminat untuk menyertai Dabus. Hal ini kerana jiwa mereka masih lagi muda dan mempunyai sifat yang ingin mengikuti apa sahaja aktiviti yang dilakukan oleh kawan mereka.

Kebanyakan budak muda yang masuk ni, ada pertalian darah dalam Dabus. Jarang orang yang takde darah seni Dabus ni masuk...Tapi ade jer yang masuk sebab ngikut kawan. Macam anak Mat Pendek [ahli Dabus] tu, orang yang pakar dalam alat muzik Dabus..dia pun ade jugak kawan yang ngikut [ikut] masuk Dabus. Kawannyer mula tu datang nengok [tengok] je, sudahnyer [kesudahannya] dia ngajak [mengajak] kawan masuk. Kawan ni jenis jiwa muda nak mencuba, laju aje [saja] bagitahu nak masuk... (Informan 5, Temubual, 2 November 2021).

Terdapat juga golongan muda yang menyertai Dabus kerana mengikuti saudara mara mereka. Keluarga merupakan agen sosialisasi yang pertama. Ibu, ayah, saudara mara, merupakan insan yang mengajar anak-anak tentang apa yang mereka perlu tahu dan lakukan. Jika ahli keluarga seseorang tersebut mempunyai warisan yang diturunkan secara keturunan, maka ahli keluarga lain akan turut berusaha untuk mewarisinya. Seperti yang diketahui, ahli kumpulan Dabus ini terdiri daripada kaum kerabat mereka sendiri. Hal ini kerana, tidak mudah bagi orang luar untuk menyertai kumpulan Dabus ini secara kekal disebabkan banyak pantang larang yang perlu diikuti oleh setiap ahli. Menurut informan 9, kawasan Kampong Gajah merupakan pusat utama Dabus jadi ia membuatkan golongan muda yang berada disekitar situ akan terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan seni persembahan itu. Informan 9 menyatakan, '*Kalau macam orang kampung area [kawasan] situ, rasenyer boleh jadi jugak sebab terikut kawan, takpun sedare mare [saudara mara]. Pusing-pusing dalam kampung tu jumpa kaum kerabat sendiri jugak. Itu yang mungkin jadi faktor penarik orang muda masuk Dabus.*' (Temubual, 10 November 2021).

Informan 10 turut menyokong bahawa golongan muda yang terlibat kerana saudara mara mereka bermain Dabus ini. Menurutnya lagi, kebanyakan golongan muda mempunyai talian persaudaraan sesama ahli kumpulan Dabus yang memudahkan lagi mereka untuk berlatih Dabus. Perkara ini dipersetujui oleh informan 10 dimana, *'...orang muda masuk Dabus ni kalau tengok kebanyakannya mungkin sebab warisi dari keluarga deme [mereka]...masuk Dabus, tengok kebanyakan masuk ikut kaum kerabat sendiri. Kira macam ada pertalian darah sedare mare [saudara mara].'* (Temubual, 20 November 2021).

Kemudian, terdapat faktor lain yang membuatkan golongan muda berminat menyertai Dabus iaitu mempunyai perasaan ingin mencuba sesuatu perkara. Menurut informan 5, terdapat golongan muda yang penyertaannya diambil melalui orang dalam menunjukkan minat setelah mengikuti ajak kawan mereka. Beliau sangat menggalakkan penyertaan daripada golongan muda yang mempunyai minat atau sifat ingin mencuba sesuatu perkara dengan serius berkaitan seni persembahan ini.

Faktor lain golongan muda menyertai tarian Dabus adalah ingin mewarisi daripada keluarga mereka. Hal ini kemungkinan kerana mereka tidak mahu tarian Dabus ini dilupakan begitu sahaja. Bagi golongan muda yang mempunyai rasa kecintaan terhadap warisan nenek moyang, mereka akan mengambil alih peranan ibu bapa yang bermain Dabus ini. Informan 8 menyatakan bahawa golongan muda yang terlibat dengan Dabus adalah kerana disuruh oleh keluarga untuk mewarisinya daripada mereka. Tanpa galakan ibubapa, golongan muda jarang sekali untuk terlibat dengan seni persembahan tradisional seperti tarian Dabus ini. Informan 8 menyatakan, *'Pakcik rase deme [mereka] kene masuk sebab salah seorang keluarga deme [mereka] ni ahli Dabus samada aktif atau tidak.'* (Temubual, 8 November 2021).

Faktor terakhir yang menarik minat golongan muda terlibat dengan Dabus adalah kerana ingin mengisi masa lapang mereka. Menurut data temubual, pengkaji mendapati bahawa terdapat golongan muda menyertai tarian Dabus kerana ingin mengisi masa lapang mereka. Pernyataan ini turut disebut oleh informan 3 dimana terdapat segelintir golongan muda yang menyertai Dabus mengikut masa lapang mereka sahaja. Namun ahli Dabus tidak berapa kisah akan masalah itu kerana mereka mahukan golongan muda yang menyertai latihan itu mempunyai minat untuk mewarisinya. Informan 3 menyatakan bahawa :

Budak muda ade mase deme [mereka] ni datang latihan ada mase [masa] tak datang. Tapi ada yang betul berminat memang laju saje [saja] datang kalau ada latihan Dabus. Kadang tu ade yang datang sekadar ngisi masa lapang deme [mereka]. Yang penting deme [mereka] ade [ada] minat dalam Dabus ni. Dapat jugak ilmu tentang Dabus. Kalau tak minat, tak jalan jugak nanti. (Informan 3, Temubual, 28 Oktober 2021)

Informan 4 turut menyatakan sesetengah golongan muda ini menyertai Dabus kerana ingin mengisi masa lapang. Menurutnya mungkin sesetengah golongan muda ini tidak mewarisi secara serius namun setelah menjalani latihan Dabus beberapa kali, mereka mulai suka akan tarian Dabus ini. Informan 4 mengatakan bahawa tidak semua orang mampu untuk mempelajari asas seni tari kerana ia memerlukan tahap kesabaran yang tinggi.

...budak-budak yang masuk Dabus ni kebanyakannya disuruh oleh keluarga. Disuruh ni bukan makna dipaksa. Maksud saya disini mereka disokong oleh ahli keluarga untuk mewarisi Dabus ini. Mungkin pada mulanya hanya sekadar isi masa lapang. Tapi lama kelamaan dia jadi seronok dengan Dabus...sebab tak semua orang mampu untuk belajar asas seni tari Dabus.' (Informan 4, Temubual, 30 Oktober 2021)

4.3.2 Faktor Yang Menghalang Penglibatan Golongan Muda Dalam Persembahan Dabus.

Pengkaji telah membahagikan kepada dua faktor yang menghalang penglibatan golongan muda dalam persembahan Dabus iaitu faktor sebelum dan semasa pandemik.

a) Sebelum Pandemik

Faktor sebelum pandemik yang menghalang golongan muda terlibat dengan Dabus adalah ketagihan penggunaan gajet seperti telefon pintar secara berlebihan. Menurut informan 2, kekerapan menggunakan gajet canggih dalam kalangan golongan muda akan menyebabkan mereka hilang minat untuk mengenali dan meminati seni persembahan tarian tradisional seperti Dabus. Arifin (2016) menyatakan pada mulanya gajet dicipta bagi memudahkan kehidupan manusia dalam sesuatu urusan. Pelbagai aplikasi baru dicipta seiring dengan kemajuan teknologi telefon pintar. Namun terdapat kesan negatif daripada penggunaan gajet secara berlebihan dalam kalangan golongan remaja. Mereka akan mengalami masalah iaitu sukar untuk berkomunikasi apabila berada di dunia yang sebenar.

Kalau nengok [tengok] budak sekarang, jauh beno [sangat] beza dia. Minat beno [sangat] main talipon [telefon]. Talipon [telefon] sekarang kan canggih-canggih. Bagi deme [mereka] lagi bagus main talipon [telefon] tu dari main Dabus. Udah deme [mereka] lupa dengan tarian warisan nenek moyang dulu. (Informan 2, Temubual, 27 Oktober 2021).

Gajet merupakan faktor utama golongan muda masa kini kurang terlibat dengan aktiviti tarian tradisional seperti tarian Dabus. Meskipun sekarang merupakan zaman moden iaitu maklumat dihujung jari, namun kebanyakan golongan muda gemar menghabiskan masa mereka dengan bermain permainan video dalam gajet dan juga bersembang secara dalam talian. Bagi mereka ia lebih menyeronokkan berbanding aktiviti yang perlu untuk mereka bergerak secara fizikal. Menurut Kapahi et.al (2013), individu yang kerap bermain telefon akan mempunyai tahap keyakinan yang rendah untuk berhadapan dengan orang ramai kerana mereka hanya memfokuskan diri dengan gajet. Informan 9 menyatakan bahawa terdapat jurang besar perbezaan antara minat golongan muda dahulu dan kini. Menurut beliau zaman dahulu tidak mempunyai teknologi canggih, jadi golongan muda banyak melibatkan diri dalam aktiviti kebudayaan seperti tarian Dabus ini. Manakala golongan muda masa kini kurang berminat untuk menyertai tarian Dabus kerana mereka lebih banyak menghabiskan masa bersama gajet.

...faktor utama sebab gajet...Gajet ni boleh menyebabkan ketagihan macam main game online, chat online dan banyak...saya tengok generasi muda...banyak main gajet tak kira masa...kesan gajet

membuatkan orang muda tak minat lagi dengan tarian tradisional Dabus...dulu kan takde gajet, jadi sesetengah orang kampung memang hiburan dengan tarian tradisional je. Sekarang tidak, bagi mereka gajet ni lagi menyeronokkan untuk isi masa lapang dorang. (Informan 9, Temubual, 10 November 2021).

Sebagaimana diketahui gajet seperti telefon pintar mempunyai pelbagai aplkasi baru yang menarik minat golongan muda untuk menggunakannya bagi mengisi masa lapang. Namun, penggunaan aplikasi yang terlalu lama akan membuatkan mereka mengabaikan aktiviti fizikal yang boleh disertai sewaktu masa lapang. Golongan muda masa kini juga lebih meminati aplikasi semasa seperti Tiktok. Tiktok merupakan aplikasi yang mempunyai jumlah tertinggi pengikut dari kalangan golongan muda. Aplikasi Tiktok menjadi kegilaan anak muda pada masa sekarang. Menurut informan 4, kekerapan penggunaan aplikasi ini akan menyebabkan golongan muda tidak lagi meminati untuk menyertai tarian Dabus. Meskipun terdapat segelintir golongan muda yang gemar memasukkan video pendek tarian tradisional kedalam Tiktok, namun belum tentu mereka merupakan individu yang betul berminat untuk menyertai tarian tradisional ini.

Ha kalau tengok betul-betul ramai budak muda dah beralih kepada aplikasi moden macam tiktok tu. Kalau terjumpa orang-orang yang buat video berkaitan tarian tradisional tu memang saya cakap sangat terhad...Sebab sesetengah mereka hanya masukkan video durasi kecil bukannya penuh. Jadi kita tak tahu mereka tu betul minat dengan tarian

atau pun sekadar meraih jumlah like [suka] semata-mata. (Informan 4, Temubual, 30 Oktober 2021)

Faktor penolak yang kedua adalah golongan muda masa kini tidak mengenali apa itu tarian Dabus. Menurut Iszahanid (2017), identiti Melayu sukar diterapkan kerana ramai golongan muda tidak mengetahui tentang seni dan budaya bangsa sendiri. Meskipun sekarang adalah zaman maklumat dihujung jari, namun tidak semua golongan muda berminat untuk mencari tahu maklumat tentang seni persembahan tarian tradisional ini. Informan 10 menyokong kenyataan tersebut dengan menyatakan bahawa, '*Kalau sebelum covid rasenye sebab deme [mereka] kurang tahu amende [apakah] itu Dabus. Mungkin ade sesetengah anak muda langsung tak kenal ape itu Dabus.*' (Temubual, 20 November 2021).

Selain daripada itu menurut informan 3, faktor yang menghalang golongan muda terlibat dengan Dabus kerana mereka risau akan mendapat pandangan negatif daripada kawan-kawan. Beliau menceritakan bahawa terdapat golongan muda mengadu kepadanya bahawa dirinya diejek oleh kawan-kawannya kerana menyertai tarian tradisional ini. Hal ini kerana, bagi mereka tarian seperti ini sudah tidak lagi sesuai untuk golongan muda. Menurut informan 3, '*Ade [ada] jugak salah sorang budak muda dalam kumpulan ni bagitahu, kawan-kawan deme [mereka] ejek kenape masuk dalam kumpulan tarian tradisional ghoper [macam] gini [ini]. Katenyer [katanya] tak relevan dah tarian lamer ghoper [macam] ginih [ini].*' (Temubual, 28 Oktober, 2021).

Informan 9 turut menyatakan kenyataan sama seperti informan 3 iaitu golongan muda takut untuk menyertai Dabus kerana risau akan mendapat pandangan negatif oleh kawan-kawan mereka. Informan 9 menyatakan bahawa,

‘Mungkin yang dah masuk Dabus, ada suara-suara sumbang dari kawan-kawan perlu masuk kelas tarian tradisional. Itu pun masalah jugak sebab tak semua orang boleh hadapi kata-kata perlian. (Temubual, 10 November 2021).

Tambahan, terdapat golongan muda yang merasakan bahawa seni persembahan Dabus ini tidak lagi relevan untuk disertai mereka. Bagi mereka, tarian Dabus ini merupakan tarian yang perlu dipersembahkan oleh orang lama sahaja. Mereka merasakan bahawa tarian tradisional seperti Dabus ini merupakan sesuatu tarian yang agak ketinggalan zaman. Minat generasi muda terhadap seni persembahan tradisional telah berkurang kerana banyak dipengaruhi oleh seni persembahan yang bersifat moden seperti Barat (Saidon, 2014). Menurut informan 4, beliau berpendapat bahawa terdapat sesetengah golongan muda berfikiran tarian Dabus ini tidak rancak seperti tarian moden zaman sekarang. Jadi mereka merasakan tidak ada keperluan untuk mewarisinya pada masa kini. Informan 6 turut memberi pendapat sama bahawa golongan muda merasakan Dabus tidak lagi sesuai dipersembahkan semasa era modenisasi ini. Informan 6 menyatakan, *‘...deme [mereka] pikir Dabus ni dah tak moden dengan keadaan zaman moden ni...sekarang kan orang banyak guna tarian moden. Bagi deme [mereka] ape ler yang menariknyer tarian tradisional ghope [macam] gini.’* (Temubual, 4 November 2021).

Kemudian, faktor yang membuatkan golongan muda tidak berminat dengan Dabus adalah kerana tarian ini tidak bersifat moden seperti tarian K-Pop. Golongan muda masa kini lebih menumpukan minat kearah tarian yang rancak seperti K-Pop. Menurut Sudwintari et.al (2022) Korea Pop atau dikenali sebagai K-Pop merupakan sebuah genre muzik antarabangsa yang dihasilkan oleh syarikat rakaman di Korea Selatan. Gelombang K-Pop ini bermula melalui

siaran drama televisyen yang popular di sekitar Asia Timur. Sekitar tahun 2010, ia berkembang kepada muzik dan tarian sehingga kini. Jadi ia mempunyai ramai peminat terutamanya dari kalangan golongan muda. Menurut informan 4, beliau menyatakan bahawa tarian K-Pop yang kini menjadi kegilaan anak muda sekarang turut menjadi penghalang untuk golongan muda meminati Dabus. Hal ini kerana tarian Dabus dilihat mempunyai pola tarian yang tidak boleh diubah sesuka hati, namun tarian moden seperti K-Pop boleh diubah mengikut irama lagu yang dipilih. Bagi golongan muda, tarian K-Pop mempunyai aura yang lebih menarik dimata mereka.

Perkara paling utama saya nampak ni kan, biasanya sebab diorang rase tarian Dabus ni ketinggalan zaman. Orang kata tak moden macam tarian KPOP. Dia cara pemikiran sesetengah orang muda macam ni, 'eh tarian ni tak mencabar lah, tarian ni tak rancak macam kpop, tarian ni tak up to date. (Informan 4, Temubual, 30 Oktober 2021).

b) Semasa Pandemik

Faktor yang menghalang penglibatan golongan muda dalam Dabus semasa pandemik adalah kerana mereka harus mengikuti kelas dalam talian. Sebagaimana diketahui, pandemik telah membawa banyak perubahan terhadap sistem pendidikan. Dahulu, generasi muda kebiasaannya belajar secara bersemuka dikelas namun disebabkan keadaan tidak mengizinkan mereka terpaksa mengikuti pelajaran secara dalam talian. Menurut informan 3, oleh

kerana mempunyai kelas dalam talian yang tidak menentu, golongan muda agak sukar untuk menyertai tarian Dabus.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

FTKWW

...anak muda bukan tak minat tapi deme [mereka] tak sempat sebab kelas dalam internet. Jadinyer deme [mereka] payah sikit nak datang latihan, macam budak muda yang ade dalam kumpulan ni ler. Ade juga yang susah sikit nak datang latihan sebab sibuk kelas online. (Informan 3, 28 Oktober 2021).

Selain itu, golongan muda yang terlibat dengan Dabus agak sukar untuk menghadiri latihan pada waktu malam. Hal ini kerana, mereka mungkin menggunakan waktu malam untuk menyiapkan kerja sekolah yang diberikan oleh guru. Meskipun latihan dilakukan pada malam hujung minggu, tidak semua golongan muda mampu untuk menyiapkannya sekiranya terdapat kerja tambahan yang diberi secara mengejut oleh pihak sekolah. Menurut informan 8, *'Mungkin sebab sibuk dengan kerja sekolah kot. Lagi sekarang waktu covid, deme [mereka] banyak kelas online, nak siapkan koje [kerja] sekolah tu memang payah ler deme [mereka] nak masuk latihan Dabus ni.'* (Temubual, 8 November 2021).

Seterusnya faktor yang menghalang golongan muda terlibat dengan Dabus semasa pandemik adalah kerana mereka bekerja sampingan. Menurut keratan akhbar Berita Harian (2021) terdapat segelintir golongan muda yang menjadikan minat atau hobi sebagai menjana pendapatan mereka sewaktu pandemik. Penggunaan sosial media membuka peluang kepada generasi muda untuk meraih pendapatan yang lumayan. Sebagaimana diketahui, pandemik ini telah memberi banyak kesan kepada semua orang dari segi kewangan. Golongan muda tidak mahu terlibat dengan Dabus kerana sibuk bekerja bagi membantu menambah pendapatan keluarga mereka. Kemungkinan juga terdapat golongan

muda yang mengikuti ibubapa bekerja sampingan, jadi mereka tidak ada masa untuk terlibat dengan latihan Dabus. Menurut informan 4, *'Kalau macam waktu covid ni, mungkin orang yang terlibat dengan Dabus tak dapat nak hadir latihan sebab bekerja lebih masa.'* (Temubual, 30 Oktober 2021).

Kemudian, pandemik telah mengubah kehidupan golongan muda yang masih bersekolah iaitu mempunyai jadual kelas padat atau berubah waktu. Ianya akan mengganggu waktu latihan Dabus sekiranya mereka terlibat dengan kumpulan Dabus. Bagi pelajar sekolah yang berusia diantara 15 tahun sehingga 17, kemungkinan besar terdapat perubahan jadual waktu kelas juga dilihat sebagai faktor yang menjadi penghalang golongan muda untuk terlibat dengan Dabus. Menurut informan 2, golongan muda agak sukar menyertai Dabus kerana kadang-kala kelas mereka dibuat pada waktu latihan Dabus. Beliau menyatakan bahawa :

Masa covid ni pulak sibuk dengan ape tu kelas online yang kena tengok talipon [telefon] lama-lama. Deme [mereka] bukan tengok talipon sesaje [sahaja], deme [mereka] ade kelas. Belajo [belajar] online pun waktu lain-lain, kadang tu kene waktu latihan Dabus, udah tak dapat deme [mereka] datang latihan.' (Informan 2, Temubual, 27 Oktober 2021).

Tambahan, terdapat golongan muda yang takut untuk berada ditempat terbuka dan ramai orang semasa pandemik ini. Mereka risau akan kesihatan diri dan keluarga, jadi mereka tidak mahu terlibat dengan Dabus bagi mengelakkan dijangkiti virus covid-19 ini. Hal ini kerana Dabus merupakan seni persembahan yang memerlukan ahlinya untuk berlatih secara bersemuka. Hal ini turut

dinyatakan oleh informan 5 bahawa sekiranya penyertaan Dabus dibuka, mesti ada golongan muda yang ingin terlibat. Namun mereka berasa agak takut kerana risau dijangkiti covid-19.

Kalau kite bukak penyertaan Dabus waktu bukan covid, mesti ramei [ramai] aje [saja] yang datang. Cume [cuma] nyer sekarang kan covid, jadi mungkin salah satu sebabnyer deme [mereka] takut dijangkiti covid. Ater [habistu] iyer ler kan, mane boleh kumpul ramei-ramei [ramai-ramai] waktu covid ni.’ (Informan 5, Temubual, 2 November 2021).

Perkara ini turut dipersetujui oleh informan 9 dimana, ‘...covid ni kan semua kena duduk rumah tak boleh bersesak or buat latihan fizikal, takut dijangkiti covid. Jadi itu pun punca kenapa orang muda tak minat dengan Dabus.’ (Temubual, 10 November 2021).

Disamping itu, arahan daripada pihak kerajaan yang mahukan rakyat duduk dirumah dalam tempoh masa lama bagi memutuskan rantaian covid-19 ini membuatkan golongan muda semakin kurang berminat dengan Dabus. Menurut informan 9, golongan muda tidak mahu terlibat dengan aktiviti Dabus kerana tidak mahu menanggung risiko akibat dijangkiti virus ini.

4.4 Cabaran Yang Dihadapi Semasa Pandemik

Terdapat beberapa cabaran yang terpaksa dihadapi oleh ahli kumpulan Dabus semasa pandemik. Menurut data yang diperolehi, pandemik telah banyak membantutkan sedikit demi sedikit aktiviti kumpulan Dabus.

Cabaran pertama adalah kesukaran untuk berkumpul beramai-ramai bagi melakukan aktiviti tarian Dabus. Ahli kumpulan Dabus mengetahui bahawa semasa covid ini terjadi, mereka tidak boleh berkumpul kerana risau akan jangkitan virus ini. Jangkitan virus Covid-19 ini mudah menjangkiti sesiapa saja yang bersentuhan secara sengaja atau tidak sengaja dengan individu yang membawa virus ini. Jadi, aktiviti Dabus ini turut menerima tempas dan terpaksa dihentikan buat seketika sehingga mendapat kebenaran semula.

Selain itu, cabaran yang dihadapi kumpulan Dabus semasa pandemik adalah tidak boleh melakukan latihan dikawasan yang sesak. Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) meletakkan garis panduan supaya orang awam tidak berada dikawasan yang sesak. Perkara ini bertujuan bagi mengelakkan penyebaran virus ini meningkat dalam kalangan masyarakat. Justeru, kumpulan Dabus memang tidak akan melakukan latihan kerana aktiviti mereka banyak melibatkan sentuhan dan bersemuka antara ahli lain. Bagi mengelakkan jangkitan, mereka menangguhkan semua jenis aktiviti Dabus.

Aktiviti Dabus dihentikan buat sementara waktu adalah bagi mengelakkan ahli kumpulan Dabus dikenakan kompaun oleh pihak berwajib. Pihak kerajaan telah mengeluarkan arahan bahawa individu atau kumpulan yang membuat aktiviti fizikal semasa Perintah Kawalan Pergerakan dijalankan akan dikompaun mengikut jumlah yang ditetapkan.

Kemudian, cabaran yang dihadapi kumpulan Dabus semasa pandemik adalah kesukaran mendapat tempat yang sesuai bagi mengadakan aktiviti Dabus. Menurut informan 1 sebelum tercetusnya pandemik Koronavirus ini, mereka sangat mudah untuk mendapat kebenaran bagi menggunakan dewan orang ramai dikawasan kampung. Namun ianya berubah secara drastik semenjak pandemik, terdapat banyak prosedur yang terpaksa dihadapi ahli kumpulan itu bagi mendapatkan tempat latihan yang sesuai. Oleh kerana terlalu banyak kerenah dalam usaha untuk mendapatkan kebenaran menggunakan dewan orang ramai, maka informan 1 membuat inisiatif lain dengan menggunakan laman rumahnya sendiri bagi mengadakan aktiviti Dabus ini.

4.5 Langkah Yang Relevan Untuk Melestarikan Tarian Dabus

Terdapat beberapa langkah yang relevan dilakukan oleh kumpulan Dabus. Menurut hasil temubual bersama beberapa responden, pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa langkah sebelum dan semasa pandemik yang wajar diteruskan bagi melestarikan tarian Dabus ini.

4.5.1 Sebelum Pandemik

Menurut informan 1 iaitu Encik Rosnan selaku ketua Dabus menyatakan bahawa sebelum terjadinya pandemik, kumpulan Dabus turut mengajar pelajar kolej berdekatan kawasan Kampong Gajah ini. Informan 1 menceritakan bahawa pertubuhan Dabus di kampung ini menjadi pusat utama untuk sesi melatih pelajar-pelajar kolej terutamanya Kolej I-Grow atau dikenali sebagai kolej pertanian. Informan 1 ada menyatakan dimana :

Yang kumpulan pelajar itu ada belajar dari pertubuhan dabus disini. Kemudian balik ke institut dan komersialkan dan bawa secara sendiri. Walaupun kolej tu bidang dia penternakan dan pertanian tapi dia ada pakej kesenian sekali. Institut I-Grow ni pun bukannya pelajar dari sini tapi dari Sabah dan Sarawak. (Informan 1, Temubual, 5 Oktober 2021).

Selain itu, pertubuhan Dabus ini turut mengajar pelajar-pelajar yang berada di sekolah harian berdekatan kampung. Menurut informan 2 iaitu Makcik Yong Timah golongan muda terutama pelajar sekolah rendah merupakan ahli yang paling mudah dilatih kerana mereka mudah untuk menerima arahan daripadanya. Baginya, pelajar sekolah rendah senang mendengar arahan untuk membuat sesuatu perkara tanpa sebarang bantahan berbanding golongan remaja. Beliau menyatakan hal tersebut berdasarkan pengalamannya sebagai tenaga pengajar paling berusia dalam Pertubuhan Dabus Tanjung Bidara, Kampong Gajah. Menurut infotman 2, *'Makcik lagi suka mengajo [mengajar] budak-budak sekolah rendah dari budak-budak remaje [remaja]. Sebabnyer budak-budak sekolah rendah ni mudah ikut, kita suruh ketuk gendang deme [mereka] ketuk.'* (Temubual, 27 Oktober 2021).

Seterusnya, informan 1 dan informan 2 ada menyatakan bahawa sebelum pandemik terjadi, kumpulan Dabus mempunyai banyak aktiviti secara fizikal yang dibuat bersama pihak Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Perak (JKKNP). Informan 1 memberitahu bahawa sebelum pandemik, banyak kursus berkaitan seni persembahan menjemputnya untuk datang sertai. Namun, apabila terdapat halangan yang tidak dapat dielakkan ia menghantar beberapa orang wakil daripada kumpulan Dabus itu sendiri untuk mewakilinya menghadiri kursus tersebut. Informan 1

menyatakan, *'Ada juga kursus, saya hantar wakil sekiranya tidak dapat menghadirinya.'* (Temubual, 5 Oktober 2021).

Manakala informan 2 pula memberitahu bahawa kumpulan Dabus ada membuat satu sesi rakaman berkaitan seni persembahan itu dengan JKKN Perak. Rakaman itu dibuat bertujuan untuk merekod aktiviti seni persembahan Dabus sebelum diolah menjadi sebuah video untuk simpanan oleh JKKN Perak. Informan 2 turut menyatakan, *'Sebelum covid teruk, kami adeler [ada] buat rakaman Dabus dengan JKKN Ipoh.'* (Temubual, 27 Oktober 2021).

4.5.2 Semasa Pandemik

Selain itu, langkah yang wajar dilakukan bagi melestarikan Dabus semasa pandemik adalah dengan menggunakan medium secara dalam talian seperti Facebook. Sebagaimana dilihat, semua aktiviti terutamanya seni persembahan terpaksa mengubah cara dengan beralih kearah alam maya. Informan 10 ada menyebut manfaat penggunaan internet dalam temubual beliau bersama pengkaji melalui panggilan telefon.

...Dabus memang perlu teruskan usaha promosi pasal tarian ni dalam internet...zaman covid ni orang duk rumah aje. Jadi deme [mereka] banyak sikit mase nak tengok internet macam Facebook tu. Kumpulan Dabus tu sendiri ler kena pandai amik peluang sebarkan dalam internet pasal aktiviti deme [mereka] masa covid ni.' (Informan 10, Temubual, 20 November 2021).

Langkah seterusnya bagi melestarikan Dabus sesama ahli kumpulan semasa pandemik adalah membuat perbincangan melalui aplikasi *Whatsapp*. Menurut informan 5, mereka ada membuat perbincangan bagi menentukan waktu, tempat latihan dan jam untuk membuat latihan Dabus. Perbincangan rapi ini sangat diperlukan kerana tidak semua ahli Dabus berada di sekitar kampung berdekatan. Oleh itu, persetujuan setiap ahli dalam kumpulan Dabus ini sangat penting bagi mengelakkan terjadinya salah faham atau rasa ketidakpuasan hati sesama sendiri.

Biasenyer kami bincang gune whatsapp. Kan covid turun naik, kerajaan pulak bagi kelonggaran aktiviti macam ni boleh tapi kena ikut SOP. Jadinye kami bincang di whatsapp tanye sape free waktu hari sekian-sekian sebabnyer nak buat latihan Dabus. Memang kami takde guna perbincangan online yang lain dah.' (Informan 5, Temubual, 2 November 2021).

Tambahan, terdapat kaedah yang secara umumnya digunakan oleh semua orang untuk mempromosi sesuatu perkara iaitu melalui aplikasi *Facebook*. Sebagaimana diketahui, *Facebook* merupakan medium utama yang mempunyai pengguna daripada pelbagai peringkat umur. Informan 2 bersetuju menyatakan bahawa *Facebook* merupakan pengantara media sosial yang berkesan untuk menyebarkan ilmu tentang Dabus. Kumpulan Dabus sememangnya telah mempunyai laman *Facebook* rasmi iaitu Pertubuhan Dabus Tanjung Bidara. Namun, promosi melalui *Facebook* ini perlu kerap dilakukan oleh ahli-ahli lain juga. Menurut informan 3, informan 1 merupakan ketua kumpulan yang bertanggungjawab menguruskan segala urusan mengenai Dabus di *Facebook*. Informan 2 menyatakan, '*...Rosnan [informan 1] ada warkan melalui fb.*

Tanya budak-budak yang berminat lepastu kita amik latih deme [mereka]. (Temubual, 27 Oktober 2021).

4.6 Kesan Pandemik Terhadap Tarian Dabus

Pandemik bukan sahaja menyebabkan aktiviti harian terganggu malahan turut memberi kesan kepada aktiviti seni persembahan seperti tarian Dabus di Perak. Pengkaji mendapati bahawa pandemik memberi impak kepada penglibatan golongan muda dalam tarian Dabus.

Walaupun, terdapat alternatif baru yang membolehkan aktiviti seni persembahan ini sentiasa dapat dilihat oleh orang awam. Alternatif tersebut adalah dengan mengadakan pertunjukan seni persembahan secara dalam talian (Setiawan et.al, 2021). Informan 1 menyatakan bahawa semasa pandemik ini terjadi, kumpulan Dabus tidak lagi menggunakan kaedah latihan secara fizikal bagi menarik minat golongan muda untuk terlibat dengan Dabus. Tetapi telah mengubah sepenuhnya kepada alam maya. Walaupun, penyertaan golongan muda masih lagi wujud meskipun jumlah yang sedikit.

...buat masa ni saya hentikan dulu sebab tak boleh nak ramai-ramai kan. Ada yang berfikir semasa covid ni perjalanan dabus ni berhenti terus, tapi sebenarnya tidak. Perjalanan dabus ni berhenti seketika secara fizikal namun ianya bergerak secara alam maya. Kita kena lebih pakar kepada alam maya. Jadi kita usaha untuk mengikuti arahan kerajaan promosi secara alam maya. (Informan 1, Temubual, 5 Oktober 2021).

Data temubual mendapati bahawa impak kedua pandemik terhadap tarian Dabus menyebabkan aktiviti penglibatan golongan muda dalam Dabus terhenti seketika. Aktiviti Dabus terhenti buat sementara kerana mengikuti arahan pihak kerajaan supaya kekal duduk dirumah. Magi et.al (2021) menyatakan bahawa semasa kerajaan Malaysia membuat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), segala aktiviti termasuk seni persembahan terpaksa ditangguhkan buat seketika bagi memutuskan rangkaian covid-19. Antara arahan yang diberi semasa PKP adalah hanya satu orang sahaja iaitu ketua rumah untuk keluar membeli barangan rumah, manakala ahli keluarga lain harus duduk didalam rumah. Kerajaan turut menutup sempadan negara dan juga mengeluarkan arahan tidak boleh merentas daerah serta negeri.

Menurut Setiawan et.al (2021) pandemik telah menyebabkan aktiviti seni persembahan tidak dapat dipersembahkan secara fizikal. Penjarakan sosial, kuarantin sendiri dan mengelak daripada berada ditempat yang sesak merupakan sebab mengapa pertunjukan seni persembahan tidak dapat dilakukan secara bersemuka. Ia bertujuan untuk mengekang penularan wabak Koronavirus daripada merebak dalam kalangan komuniti setempat. Perkara ini dipersetujui oleh informan 3 dimana beliau menyatakan semasa berlakunya peningkatan kes covid, kumpulan Dabus menangguhkan segala aktiviti fizikal kumpulan mereka. Informan 3 menyatakan, *'Masa mula-mula kes covid ini sedang meningkat, kita memang tidak ada langsung apa-apa latihan. Segala jenis aktiviti latihan fizikal kita tangguh buat sementara. Ni baru mule balik. Kalau tak silap pakcik dalam 16/10 haritu latihan dekat rumah Nan.'* (Informan 3, Temubual, 28 Oktober 2021).

Perkara ini turut disokong oleh informan 10 semasa sesi temubual melalui panggilan telefon di mana beliau menyatakan pandemik buat sementara waktu telah banyak menyekat aktiviti fizikal yang biasa dilakukan oleh semua orang. Jadi ia turut memberi kesan terhadap aktiviti Dabus dan golongan muda.

Kalau tengok dekat berita, banyak benda kena tangguh sekejap waktu mula-mula PKP. Apa lagi penglibatan orang muda, memang pakcik rase dia terjejas takpun macam berhenti sekejap ler. Sebab arahan kerajaan tak benarkan aktiviti sosial yang melibatkan ramai orang. Jadi, kumpulan Dabus tak boleh buat aktiviti bersemuka panggil orang muda buat latihan masa covid macam ni. (Informan 10, Temubual, 20 November 2021).

Selain itu, meskipun pandemik memberi impak terhadap Dabus namun masih terdapat peningkatan penglibatan golongan muda berusia kira-kira 15 tahun keatas dalam seni persembahan ini. Menurut informan 5, beliau mendapati bahawa golongan muda masih lagi terlibat dengan tarian Dabus walaupun jumlahnya tidak ramai. Beliau menyatakan, *'Waktu covid begini, ada juga peningkatan golongan muda yang terlibat dengan Dabus tapi tidaklah berapa ramai sangat.'* (Temubual, 2 November 2021).

Jika terdapat golongan muda yang menyertai Dabus besar kemungkinan mereka tidak dapat hadir latihan dengan kerap samada dibuat pada hujung minggu. Hal ini kerana, kemungkinan terdapat golongan muda yang terpaksa menghadiri kelas tambahan dalam talian meskipun pada hari cuti sekolah.

Menurut informan 5, beliau menyatakan tarian Dabus turut menerima kesan akibat pandemik namun bukanlah sehingga tiada langsung aktiviti yang dilakukan. Aktiviti tarian Dabus masih lagi dilakukan secara dalam talian namun tidak lancar seperti sebelum pandemik melanda dimana mereka mengadakan latihan secara fizikal. Walaubagaimanapun menurut informan 5, segala jenis aktiviti berkaitan Dabus tidak terjejas teruk meskipun kekurangan penglibatan dari golongan muda.

Waktu covid gini yee. Acik [makcik] rase peningkatan ade tapi sikit jer idak [tidak] ler segedebuk [sekaligus] macam tu kan. Ater [habis tu] iyer ler kan, mane boleh kumpul ramei-ramei [ramai-ramai] waktu covid ni. Tapi alhamdulillah latihan Dabus tak terjejas walaupun orang yang datang latihan tak berapa ramai. (Informan 5, Temubual, 2 November 2021)

4.7 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab 4 ini membincangkan mengenai dapatan kajian dan perbincangan setelah kajian lapangan dilakukan oleh pengkaji. Pengkaji berjaya mendapatkan seramai 10 orang responden yang berkaitan dengan tarian Dabus untuk ditemubual. Terdapat banyak dapatan kajian yang berjaya diperolehi oleh pengkaji melalui kajian lapangan dan temubual. Dalam kajian ini, pengkaji mendapati bahawa hasil dapatan kajian telah memberi jawapan yang jelas berkaitan tajuk kajian iaitu tarian Dabus.

BAB 5

PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN

5.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan secara keseluruhan rumusan kajian mengenai Pelestarian Terhadap Tarian Dabus Semasa Era Covid-19 Dalam Kalangan Golongan Muda Di Kampong Gajah, Perak iaitu dari bab satu sehingga bab lima. Bab satu adalah pendahuluan iaitu pengenalan mengenai topik dan latar belakang kajian. Bab dua iaitu sorotan kajian oleh pengkaji terdahulu dan bab tiga adalah metodologi kajian yang digunakan pengkaji bagi mendapatkan data untuk penyelidikan ini. Bab empat adalah dapatan kajian yang diperoleh bagi proses pengumpulan data. Bab kelima iaitu rumusan akhir bagi kesemua bab ini.

5.2 Rumusan

Bab satu membincangkan tentang pengenalan kajian yang merangkumi pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian dan kesimpulan. Sebagaimana dilihat tarian Dabus merupakan salah satu tarian tradisional negeri Perak yang kian kurang penyertaan dari golongan muda terutamanya semasa pandemik ini. Justeru, kajian ini dilihat penting bagi mengetahui pelestarian yang digunakan oleh kumpulan Dabus ini bagi menarik minat golongan muda untuk menyertai tarian tradisional ini.

Pengkaji mendapati bahawa dalam negeri Perak iaitu dikawasan Kampong Gajah mempunyai sebuah kampung kecil bernama Tanjung Bidara dimana sesetengah penduduknya masih lagi aktif dalam aktiviti tarian Dabus. Dalam bab satu ini, turut dinyatakan mengenai persoalan kajian dan objektif kajian. Dengan adanya susunan

topik, secara langsung ia membantu bagi mencari maklumat berkaitan tajuk penyelidikan. Kajian ini juga mempunyai kepentingan untuk menjadi bahan rujukan kepada individu, masyarakat dan juga institusi pendidikan. Bab satu merupakan topik umum atau kerangka bagi memulakan kajian ini.

Bab dua membincangkan tentang sorotan kajian lepas pengkaji terdahulu dan aplikasi teori yang digunakan bagi menyiapkan kajian ini. Terdapat hampir lima puluh buah artikel atau jurnal pengkaji terdahulu dirujuk bagi mencari definisi dan justifikasi berkaitan tarian Dabus. Terdapat juga artikel berkaitan seni persembahan dan pandemik yang dirujuk bagi mengaitkannya dengan tarian Dabus. Sesebuah kajian perlu mempunyai bahan rujukan pengkaji terdahulu bagi mengukuhkan maklumat kajian berkaitan tarian Dabus ini.

Kemudian, aplikasi teori yang digunakan dalam kajian ini adalah Teori Teater Belia oleh Hughes dan Wilson (2004). Teori Teater Belia ini menerangkan tentang kesan terhadap golongan muda yang terlibat dalam organisasi seni persembahan seperti teater. Dalam teori ini ada menyatakan bahawa golongan muda yang terlibat dalam seni persembahan ini mempunyai tahap keyakinan yang tinggi untuk berhadapan dengan orang ramai. Tambahan, mereka turut mempunyai daya pemikiran kreatif serta mampu untuk mengawal diri dalam sebarang risiko. Teori Teater Belia ini mempunyai kaitan dengan golongan muda yang menyertai Dabus di Kampong Gajah. Golongan muda yang terlibat dengan kumpulan Dabus ini mempunyai daya semangat tinggi untuk membuat persembahan dikhalayak ramai.

Bab tiga membincangkan tentang metodologi kajian yang digunakan dalam projek penyelidikan ini. Topik yang terdapat dalam bab tiga ini adalah pengenalan, pendekatan kajian, kaedah kajian, kaedah pengumpulan data, instrumen kajian, pensampelan kajian, kaedah analisis data dan kesimpulan. Dalam bab ini menceritakan

mengenai pendekatan kajian yang digunakan iaitu pendekatan kualitatif. Kaedah kajian yang digunakan adalah pemerhatian secara terus dan temubual secara mendalam. Ia bertujuan bagi mendapatkan maklumat tambahan secara terperinci daripada ahli kumpulan Dabus.

Seterusnya adalah kaedah pengumpulan data iaitu data primer dan data sekunder. Data primer adalah data yang diperolehi pengkaji secara kaedah temubual beberapa ahli kumpulan Dabus aktif ataupun tidak aktif. Manakala data sekunder adalah bahan rujukan yang diperolehi melalui carian jurnal, artikel ataupun bahan rujukan lain dalam internet. Instrumen kajian yang digunakan adalah seperti alat perakam suara, kamera dan juga nota catatan. Alat perakam suara daripada telefon pintar merupakan peranti paling utama digunakan bagi merekod segala perbualan. Setiap perbualan yang direkodkan akan ditaip semula bagi memudahkan urusan pengasingan data. Pensampelan data yang digunakan adalah teknik pensampelan bebola salji. Kesimpulannya data yang diperolehi menggunakan kaedah kualitatif sahaja bagi mengetahui pelestarian yang dilakukan kumpulan Dabus bagi menarik minat golongan muda di Kampong Gajah menyertai Dabus semasa pandemik ini.

Bab berikutnya adalah bab empat membincangkan tentang dapatan kajian dan perbincangan. Data untuk dapatan kajian ini diperolehi melalui kaedah temubual. Sebanyak sepuluh orang responden telah ditemubual bagi mendapatkan maklumat tentang penglibatan golongan muda dalam tarian Dabus semasa pandemik. Data temubual yang diperolehi ini ditranskrip semula bagi memudahkan kerja-kerja pengasingan data mengikut tema. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat golongan muda yang terlibat dalam Dabus meskipun bilangan yang sedikit.

5.3 Cadangan

Tarian Dabus merupakan warisan tarian tradisional rakyat negeri Perak yang sudah berusia ratusan tahun. Jadi ia wajar dipertahankan oleh masyarakat daripada pelbagai lapisan umur terutamanya penduduk negeri Perak. Bagi mengekalkan warisan ini, langkah yang relevan perlu dibuat selari dengan usaha memelihara tarian Dabus ini. Oleh itu, cadangan bagi memelihara tarian tradisional ini perlu dibuat supaya tarian Dabus tidak akan terhapus begitu sahaja kerana tidak mempunyai golongan muda yang mewarisinya.

Pertama, cadangan bagi mengekalkan tarian warisan ini adalah dengan memasukkan tarian Dabus sebagai subjek kokurikulum di sekolah rendah dan sekolah menengah. Melalui aktiviti tarian tradisional sebegini dalam kokurikulum dapat membantu mengekalkannya dan mencari bakat baru daripada golongan muda. Pihak sekolah sewajarnya membuka kelab tarian Dabus tanpa mengenakan syarat rumit seperti wajib mempunyai asas tarian. Syarat sebegini perlu dielakkan kerana kemungkinan terdapat sesetengah pelajar tidak mempunyai asas seni tari namun ingin menyertainya. Pihak sekolah juga wajar membuka satu acara pencarian ujibakat dikalangan pelajar sekolah yang mempunyai asas seni tari dan mengasah bakat mereka untuk menjadi pewaris muda kumpulan Dabus.

Selain itu, cadangan yang wajar dilakukan adalah dengan membuka kelab tarian tradisional iaitu tarian Dabus di peringkat universiti. Hal ini bertujuan untuk mempromosi semula tarian tradisional kepada pelajar universiti yang datang daripada pelbagai kaum. Pembukaan kelab tarian Dabus diperingkat universiti ini akan membuka peluang kepada pelajar menonjolkan bakat mereka terutamanya yang berada dalam bidang seni persembahan. Kewujudan kelab tarian tradisional akan memudahkan pihak universiti untuk menjemput mereka membuat persembahan. Tambahan, dengan

adanya kumpulan tarian Dabus dari universiti ini merupakan usaha bagus dalam menjaganya daripada dilupakan masyarakat.

Seterusnya adalah ahli kumpulan Dabus boleh meneruskan usaha mempromosikan tarian Dabus dengan membuka bengkel tarian kepada masyarakat umum. Ia merupakan cadangan bernas kerana masyarakat terutamanya orang luar berkemungkinan ada yang berminat untuk menyertainya. Sekiranya kumpulan Dabus membuka bengkel mengikut sesi, ia akan memudahkan urusan peserta menyertainya mengikut kelapangan mereka.

Tambahan, jabatan rasmi kerajaan seperti Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) juga perlu memainkan peranan penting dalam usaha mengangkat semula tarian Dabus dalam kalangan masyarakat kini. Antara cadangan yang relevan dilakukan semasa pandemik adalah, JKKN perlu mengadakan bengkel atau kursus secara dalam talian bagi ahli baru Dabus. Hal ini perlu bagi memudahkan mereka untuk memahami tentang tarian Dabus secara lebih mendalam. Selain daripada mengadakan bengkel khas, JKKN boleh mengadakan sesi bual bicara antara tokoh seni persembahan atau ahli kumpulan Dabus melalui aplikasi internet seperti *Facebook*, *Instagram*, *Zoom* dan *Google Meet*. Tujuan mengadakan sesi bual bicara dalam talian ini adalah untuk menarik minat masyarakat mendengar tentang Dabus semasa pandemik.

5.4 Kesimpulan

Tarian Dabus merupakan tarian tradisional rakyat negeri Perak. Tarian Dabus ini perlu dipertahankan dan diwarisi oleh masyarakat dari pelbagai lapisan umur supaya ia dapat dilihat oleh generasi akan datang. Melalui kajian ini dapatlah dilihat bahawa masih terdapat usaha yang dilakukan oleh kumpulan Dabus bagi mempromosi Dabus semasa pandemik.

Kajian ini dibuat bagi mengetahui sejauhmanakah penglibatan golongan muda dalam tarian Dabus di Kampong Gajah, Perak. Ia melibatkan beberapa orang ahli aktif dan tidak aktif dalam kumpulan Dabus ini. Hasil kajian mendapati bahawa masih terdapat segelintir golongan muda berusia 19 tahun keatas berminat menyertai tarian Dabus ini. Meskipun penyertaan golongan muda agak sederhana, namun aktiviti tarian ini masih lagi dilakukan oleh ahli Dabus yang lama. Aktiviti Dabus perlu dilakukan bagi memastikan tarian tradisional ini sentiasa diingati dan dapat dilihat generasi muda.

Sebagai kesimpulannya, kajian yang dilakukan dapat mengukuhkan persoalan kajian yang dinyatakan. Kajian ini banyak membincangkan tentang faktor yang menarik minat dan menolak minat golongan muda untuk menyertai tarian Dabus. Selain itu, kajian ini turut melihat kepada kesan pandemik terhadap tarian Dabus. Bukan industri seni persembahan sahaja yang terjejas, malahan pelbagai sektor industri lain turut terjejas kerana pandemik koronavirus ini.

RUJUKAN

- Adnan T.B.T.M. (2021). Penggiat Seni Kreatif Diberi Kelonggaran Beroperasi. *Sinar Harian Online*. Diakses melalui [https://www.sinarharian.com/article/160105/BERITA/Nasional/Penggiat seni kreatif diberi kelonggaran beroperasi](https://www.sinarharian.com/article/160105/BERITA/Nasional/Penggiat_seni_kreatif_diberi_kelonggaran_beroperasi).
- Ali A.J.M. & Alias A.(2015). Tusukan Besi Dabus Rasa Jarum, Bertukar Teruja - Penari. *Berita Harian Online*. Diakses melalui [https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/04/48948/Tusukan besi Dabus rasa jarum, bertukar teruja – Penari](https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/04/48948/Tusukan_besi_Dabus_rasa_jarum_bertukar_teruja_Penari).
- Akta Warisan Kebangsaan. (2005) (Akta 645)
- Arifin Z. (2016). Perilaku Remaja Pengguna Gajet ; Analisis Teori Sosiologi Pendidikan. *Jurnal Pemikiran Keislaman*. 26(2), 287-316.
- Bicknell J. (2015). Philosophy of Song and Singing. *The Journal of Aesthetics and Art Criticism*, 76(1), 137-140.
- Bidin R. (2012). Pengaruh alam dalam ungkapan lagu dabus. *Ideology*, 2(1), 23-32. Diakses daripada <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/33484/>
- Braun V. & Clarke V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative research in psychology*, 3(2), 77-101.
- Chasanah A.M. & Kilis G. (2017). Adolescents' Gadget Addiction and Family Functioning. *Advances In Social Science, Education and Humanities Research*, 139.
- Damhuri A., Darmawati, & Indrayuda. (2013). Peranan Penari Perempuan dan Laki-Laki Dalam Pertunjukan Tari Tauh. *E-Jurnal Sendratasik FBS Universitas Negeri Padang*, 2.

- Din M.A.O. ed. (2008). *Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu*. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fauzi B.Z. (2016). Mengimbau Nostalgia Kampung Di Kampong Gajah. *Berita Harian Online*. Diakses daripada <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/07/176344/mengimbau-nostalgia-kampung-di-kampung-gajah>
- Foley, K. (1985). The dancer and the danced : Trance dance and theatrical performance in West Java. *Asian Theatre Journal*, 2(1), 28-49. Retrieved from <http://www.jstor.org/stable/1124505>
- Ghazali N.F. (2021) Penggiat Seni Kelantan Turut 'Lemas' Sejak Covid-19 Mengganas. *Malaysia Kini*. Diakses daripada [https://www.malaysiakini.com/hiburan/561501/Penggiat seni Kelantan turut 'lemas' sejak Covid-19 mengganas](https://www.malaysiakini.com/hiburan/561501/Penggiat_seni_Kelantan_turut_'lemas'_sejak_Covid-19_mengganas)
- Hanafi, L. H., Al-Bakri, Z. M., & Shahrudin, R. R. R. (2014). Hiburan: Muzik, nyanyian, nasyid menurut perspektif fiqh dan fatwa. *Journal of Fatwa Management and Research*, 3(1), 83-108.
- Hanya Boleh Keluar Rumah Dalam Radius Tidak Lebih 10KM. *Bernamea.com*. (2020). Diakses melalui BERNAMA - PKP: Hanya boleh keluar rumah dalam radius tidak lebih 10 KM.
- Haryono S. (2012). Konsep Dasar Bagi Seorang Penari. *Jurnal Greget*, (1-9)
- Hughes J. & Karen W. (2004). Playing A Part : The Impact Of Youth Theatre On Young People's Personal and Social Development. *Research in Drama Education*, 9 (1), 57-72.

- ICOMOS. (2002). Heritage At Risk 2002/2003. Retrieved from <https://www.icomos.org/risk/2002/irak-appeal.htm>
- Iszahanid H. (2017). Punca identiti Melayu sukar diterapkan dalam seni bina. *Berita Harian Online*. Diakses melalui <https://api.bharian.com.my/rencana/sastera/2017/08/308459/punca-identiti-melayu-sukar-diterapkan-dalam-seni-bina>.
- Jazuli M. (2008). Pendidikan Seni Budaya Suplemen Pembelajaran Seni Tari, Semarang. *UNNES PRESS*.
- Jelly R.F.A. & Dawam Z.A.M. (2019). Analisis Gerak Dan Peranan Wanita Dalam Ritual Boris, Etnik Bidayuh. Diakses daripada <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/GA/article/view/1973>
- Kaeppler A.L (2008). Dance In Antropological Perspective. *Journal Article*. 7. 31-49. Retrieved from <https://www.jstor.org/stable/2155686>
- Kamarulbaid A.M. (2021). Industri Seni Persembahan ‘Malap’. *Utusan Malaysia Online*. Diakses daripada <https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2021/08/industri-seni-persembahan-malap/>
- Kapahi A., Ling C.S., Ramadass S., Abdullah N. (2013). Internet Addiction in Malaysia Causes and Effects. *Journal Scientific Research*. 5. 72-76. Retrieved from https://pdfs.semanticscholar.org/7e27/2e236350af51576a4608102e05936a1611b2.pdf?_ga=2.16894265.1283730181.1646300821-1524786904.1646300821
- Kar F.B.C. (2006). Peranan Jabatan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negeri Perak Dalam Memperkenalkan Tarian Tradisional Dabus Kepada Masyarakat. *Tesis Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian Pengurusan Seni*. UNIMAS.
- Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. (2003). *Buku Pengenalan Dabus*,(1-9). Diakses daripada <https://www.kkmm.gov.my/pdf/buku/dabus.pdf>

- Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. (2021). *Jenis Warisan*. Diakses daripada https://www.kkmm.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=594:jenis-warisan&catid=65:dokumen&Itemid=145&lang=en
- Lembaga Muzium Perak. (2020). *Kompleks Sejarah Pasir Salak*. Diakses daripada <http://muzium.perak.gov.my/index.php/muzium/kompleks-sejarah-pasir-salak>
- Lembaga Pertubuhan Peladang. (2017). *Pertubuhan Peladang Kawasan Kampong Gajah*. Diakses daripada <https://www.lpp.gov.my/document/upload/cyWYrmXeOlaiw7mvc7KCQSUt0yIAUfk5.pdf>
- Magi S, Mapjabil J, Arus B.M, Sareya R, Eranza D.R.D, Min T.M. (2020). Impak, Cabaran, dan Inisiatif Penggiat Seni Persembahan Sepanjang Era Covid-19. *Journal Of Islamic, Social, Economics, and Development (JISED)*, 5(32). 74-82.
- Majlis Daerah Perak Tengah. (2021). *Info Perak Tengah*. Diakses daripada <http://www.mdpt.gov.my/ms/pelawat/info-perak-tengah>
- Masrizal M. (2012). Penyakit Filariasis. *Jurnal Kesehatan Masyarakat Andalas*. 7(1). 32-38. Diakses daripada <http://jurnal.fkm.unand.ac.id/index.php/jkma/article/view/105>
- Miller, T., & Williams, S. (2008). Southeast asian musics: an overview. *The Garland Handbook of Southeast Asian Music*, 4-20.
- Nasution H. (2016). Mantra Tarian Dabus Pada Masyarakat Melayu Batu Bara : Suatu Kajian Psikologi Sastra. Diakses daripada <https://document/q5onv73z-mantra-tarian-dabus-masyarakat-melayu-kajian-psikologi-sastra.html>

- Nasruddin M.G. (1994). *The Malay Traditional Music*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Uetomo, R. W. (2008). Lamuri telah Islam Sebelum Pasai. *Berkala Areologi Sangkhakala*, 21, 84-91.
- Patton, M.Q. (2015). *Qualitative Evaluation and Research Method*. Thousand Oaks, CA : Sage.
- Pian K.S. (2009). British Colonial Rule, Japanese Occupation, And The Transformation of Malay Kingship 1930s-1957. *Journal Of Asian Studies*. 11(1). 106-131. Retrieved from https://www.nzasia.org.nz/uploads/1/3/2/1/132180707/13_suwannathat_pian_3.pdf
- Rahman M.K.A. (2009). Mabuk Mistikal : Semiotik Metafizik Dalam Kuda Kepang Mabuk. USM. Diakses daripada <https://scholar.google.com.my/citations?user=TcbqvGAAAAAJ&hl=en>
- Rahman, M. K. A. (2012). Dimensi Ruang Kosmos Tarian Dabus : Amalan Penyucian dan Penyembuhan. Diakses daripada https://www.researchgate.net/publication/295397657_Dimensi_Ruang_Kosmos_Tarian_Dabus_Amalan_Penyucian_dan_Penyembuhan
- Sabirin A. (1972). *Mengenal Puisi*. Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Saidon P.M.Z.L (2014). Kelestarian dan Pengkomersialan Seni Persembahan Tradisional Melayu dalam Konteks Industri Kreatif: Cabaran & Peluang. Diakses daripada https://www.researchgate.net/profile/Zaharul_Saidon2/publication/294892823_Kelestarian_dan_Pengkomersialan_Seni_Persembahan_Tradisional_Melayu_dalam_Konteks_Industri_Kreatif_Cabaran_Peluang/links

- Sarifan Z.H. (1996). *Kajian Awal Tarian Dabus Negeri Perak. Malaysia.* : Jabatan Muzium dan Antikuiti Perak.
- Satriani. (2008). Peranan Tari Kain Sebagai Syarat Memperoleh Gelar Pendekar (Guru Sasaran) Dalam Sasaran Silat Di Desa Aia Duku Painan Timur. Diakses daripada [http:// index.php/sendratasik/article/viewFile/2266/1887](http://index.php/sendratasik/article/viewFile/2266/1887)
- Sudwintari & Perangin-A.A.Br. (2022). Teenager's Perception of Kpop Cultural Adaptation in Indonesia. *Journal Of Linguistics and Literary Research.* 3(1), 40-51. Retrieved from file:///C:/Users/User/Downloads/6319-Article%20Text-27459-1-10-20220201.pdf
- Sulong, M. A., Saidon, Z. L., & Hashim, N. S. N. (2013). Muzik Tradisi Tari Rakyat Perak: Suatu Pendekatan Etnomuzikologi. *Malaysian Journal of Music*, 2(1), 72-105.
- Setiawan A.Y., Habsary D., & Bulan I. (2021). Social Media As A Platform Of Performing Arts Education During Covid-19 Pandemic. *Jurnal Pendidikan dan Kajian Seni.* 6(1), 16-31. Retrieved from <https://jurnal.untirta.ac.id/index.php/JPKS/article/view/10318>
- Umar, H. (2013). Metode penelitian untuk skripsi dan tesis. *Jakarta: Rajawali*, 42.
- UNESCO. (2003). *The Safeguarding Of The Intangible Cultural Heritage.* Paris : Unesco.
- Yusoff, Y. M., & Dollah, H. (2011). Akta Warisan Kebangsaan, 2005: Tinjauan Sepintas Lalu National Heritage Act, 2005: A Review. *Jurnal Melayu*, 8.
- Yusop M.S. (2020). Penggiat Seni, Budaya Tidak Dilupa Semasa Pandemik. *Kosmo Online.* Diakses daripada <https://www.kosmo.com.my/2020/09/27/penggiat-seni-budaya-tidak-dilupa-asa-pandemik/>

Zohrabi M. (2013). Mixed Method Research : Instruments, Validity, Realibility and Reporting Findings. Theory and Practice in Language Studies. *Academic Publisher*. 3(2), 254-262. Retrieved from <http://www.academypublication.com/issues/past/tpls/vol03/02/06.pdf>

FTKWW



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN